

**PENGGUNAAN MUZIK DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN
KERJA AMALI KEMAHIRAN HIDUP SEKOLAH RENDAH**

HAMISAN BIN SALIM

**Laporan projek ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER, 2010

Didedikasikan khas buat

Almarhum ayah,

Salim bin Abd Samad

Ibu yang dikasihi,

Mor binti Dikin

Tiada satu pun di dunia ini yang dapat menggantikan dirimu

Tidak ternilai cinta dan kasih diriku buatmu...

Sebagai ingatan khusus buat isteri-isteriku,

Sharifah Atiah Sy Abdullah dan Hj. Norfaizah Bachok

Serta Anak-anakku,

Nur Sufhian, Nur Azlin Aina, Nur Saufhien

Nur Saufhie, Nur Fathin Aliya, Nur Hazeeqa Hani dan

Nur AqeesatulJannah

Kakak-kakak dan abangku,

Waginah Salim, Siman Salim

Dan Tumi Salim

Adikku,

Miskiah Salim

Semoga ukhwah yang terjalin berkekalan selamanya...

Sahabat-sahabat yang disayangi,

Azizah Razak, Awang Musa, Dzulkifle Ismail

Mohd Zain Husin, dan Nor Ismadee Ismail

Andai terpisah oleh masa, kalian tetap dihatiku

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S. W. T, di atas limpah kurnia dan izinNYA, maka saya dapat menyiapkan kajian ini sebagaimana yang dirancangan. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih khusus kepada penyelia saya iaitu Dr. Muhammad Sukri bin Saud, dan pensyarah pembimbing Prof. Madya Dr. Yahya bin Buntat di atas kesudian mereka berdua yang sentiasa memberi komitmen penuh dari sudut pandangan, bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan juga bahan-bahan rujukan tanpa mengira situasi bagi membantu saya menyiapkan kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan.

Selain daripada itu saya juga merakamkan terima kasih kepada kementerian, jabatan khasnya pelajaran, pengetua-pengetua, guru-guru besar dan juga pihak tenaga pengajar di sekolah atas kebenaran dan sokongan serta penglibatan mereka dalam kajian sebenar yang saya jalankan.

Banyak pihak dan orang perseorangan yang telah menghulurkan bantuan kepada saya. Untuk menamakan mereka semua, samalah seperti saya menyediakan satu direktori telefon. Ada juga di kalangan mereka yang membantu tanpa saya ketahui namanya. Tegasnya di sini, adalah lebih baik saya tidak menamakan semua yang telah menghulurkan bantuan kepada saya tetapi amat saya ingat dan hargai. Ibarat kata pepatah, "Hanya Jauhari Mengenal Maknikam", Guru saya juga pernah menyebut, "Mereka tahu siapa diri mereka di mata dan hati kita," dan saya optimis bahawa mereka tahu saya menghargai dan berterima kasih disamping doa buat mereka semoga dalam keberkatan dan kesejahteraan.

Sekian.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan meninjau penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup dapat meningkatkan minat belajar, dapat meningkatkan prestasi dan bersedia belajar, membina keseronokan mengikut mood dan keadaan, dan menambahbaik hasil kerja serta daya ingatan kepada pelajar tahap dua dalam matapelajaran kemahiran hidup di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Pontian, Johor. Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 180 orang pelajar tahun 4,5 dan 6 di sekolah tersebut. Kajian ini dijalankan di dalam bengkel kemahiran hidup sewaktu pembelajaran dan pengajaran sedang beroperasi. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan sampel random strata berbahagi (Stratified Proportional Random Sampling Technic). Data-data kajian ini diperolehi melalui soal selidik. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistical Packages for Social Science (SPSS). Statistik min, dan sisihan piawai digunakan untuk melaporkan data deskriptif. Tahap keertian 0.05 ditetapkan untuk melapor data. Terdapat empat persoalan kajian utama dalam kajian ini yang akan diterangkan. Keputusan menunjukkan persoalan kajian pertama bagi pandangan pelajar semasa belajar kemahiran hidup dengan menggunakan muzik terhadap mempengaruhi minat ialah sebanyak 4.35. Manakala bagi persoalan kajian kedua iaitu pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan muzik terhadap menerima rangsangan muzik berdasarkan keseronokan mood dan keadaan dengan purata min 4.51. Seterusnya pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan muzik terhadap prestasi atau bersedia menggunakan rangsangan muzik ialah sebanyak 4.27. Akhir sekali persoalan kajian keempat iaitu pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan muzik terhadap keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan serta menambah daya ingat dengan purata min 4.78. Tegasnya apabila kita perhatikan, kesemua persoalan kajian berada pada tahap yang tinggi dan ini bermakna tahap penerimaan terhadap persoalan kajian tersebut adalah positif. Secara keseluruhan bagi hasil data analisis ini menunjukkan majoriti responden adalah bersetuju dengan pendapat ini di mana mereka menerima bahawa muzik boleh digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali mata pelajaran kemahiran hidup di sekolah rendah.

ABSTRACT

The goal of this study is to ascertain whether music applied in the learning and teaching process could positively enhance and influence the interests and readiness of the students towards life skills subject hence inculcate good learning practices by the students one of the primary national type school in Pontian District, Johor. This study samples comprise of 180 year 4,5 and 6 students of that particular school. It is a hands-on observation of the learning and teaching process of life skills subject in its workshop. Through-out this study, stratified Proportional Random Technique is utilised and all the data gathered will be analysed using the SPSS programme (Packages for Social Science). Statistical mean and standard deviation and 0.05 tolerance is used to describe and transcribe all the data. There are four problems statement which addresses the issue of how much music could influence the interests of the students towards the life skills subject is found as 4.35. Whereas the second statement which explores the students' perception towards learning of life skills subject subjected music arousal is 4.51. The subsequent statement determine the readiness of the students to learn life skills subject enhanced with music is found to be 4.27. Last but not least the meant of the effect of learning life skills subject influenced with music to achieve high productivity and knowledge retention as 4.78. It is observed that all the issues raised in the problem statements rendered a high reading which give a connotation of a positive meaningful and high reception of the subjects learned by the students. As a conclusions, this study shows that majority of the respondents agree to the notion that music can be used in the learning and teaching process of life skills subject in the primary school.

2.2.1 Penggunaan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran	17
2.2.2 Teori Kecerdasan Pelbagai	19
2.2.2.1 Hubungan Antara Kecerdasan Logik-Amali dan Kecerdasan Muzik	20
2.2.3 Teori Behaviorisme	22
2.2.3.1 Eksperimen Edward L Thorndike	22
2.2.4 Prinsip Premack	24
2.3 Hubungan Antara Prestasi dan Persepsi Pelajar	24
2.4 Pengaruh Jantina Terhadap Hubungan Antara Prestasi dan Persepsi pelajar	26
2.5 Rumusan	27

BAHAGIAN TIGA

III METODOLOGI

3.1 Pengenalan	28
3.2 Rekabentuk Kajian	29
3.3 Sampel Kajian	30

3.4	Instrumen Kajian	30
3.4.1	Borang Ujian Penilaian	31
3.4.1.1	Bahagian I (Set Ujian Diagnostik)	31
3.4.1.2	Bahagian II (Set Ujian Diagnostik)	32
3.4.1.3	Bahagian III (Set Ujian Soalselidik)	32
3.5	Kajian Rintis	33
3.6	Prosedur Kajian	35
3.7	Analisis Data	35
3.8	Kaedah Penganalisan Data	36
3.8	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	39
3.9	Rumusan	40

BAHAGIAN EMPAT

IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Memadankan Alat Dengan Nama yang Diberi	42
4.3	Analisis Bahagian A – Maklumat Responden	42
4.3.1	Bangsa	42
4.3.2	Umur	42
4.3.3	Jantina	43
4.3.4	Pekerjaan Bapa	43
4.3.5	Pekerjaan Ibu	44
4.3.6	Pendidikan Bapa	45
4.3.7	Pendidikan Ibu	45

4.4	Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik	46
4.4.1	Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik	46
4.4.2	Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Keseronokan Mood dan Keadaan	48
4.4.3	Prestasi dan Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Amali	49
4.4.4	Keberkesanan Hasil Kerja, Berkeyakinan dan Menambah Daya Ingatan	51
4.5	Rumusan	52
4.5.1	Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar	52
4.6	Analisis Ujian – t Bagi Ujian Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Pelajar	54
4.7	Kesimpulan	55

BAHAGIAN LIMA

V PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	57
5.2.1	Demografi atau Latar Belakang Responden	58

5.2.2	Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik Terhadap Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik	60
5.2.3	Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik Terhadap Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Mood dan Keadfaan	61
5.2.4	Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik Terhadap Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali	62
5.2.5	Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik Terhadap Keberkesanan Hasil Kerja Dan Berkeyakinan	63
5.3	Kesimpulan	64
5.4	Cadangan Kajian	64
5.4.1	Cadangan Lanjutan	66
	RUJUKAN	67
	LAMPIRAN	73

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Asas Teori dan Prinsip bagi Bahagian III	32
3.2	Konstrak Bagi Bahagian III	33
3.3	Skor Pemarkahan Bagi Bahagian I	36
3.4	Skor Pemarkahan Bagi Bahagian II	37
3.5	Skor Pemarkahan Bahagian III	37
3.6	Ringkasan Jadual Statistik yang digunakan untuk Menganalisis Data	38
3.7	Reliability Analysis – Scale (ALPHA)	39
4.1	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	42
4.2	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur	42
4.3	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	43
4.4	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa	43
4.5	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu	44
4.6	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Mengikut Pendidikan Bapa	45
4.7	Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pendidikan Ibu	45
4.8	Taburan Kekekapan, Peratus Dan Min Responden Mengikut Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik	46

4.9	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Min Responden Mengikut Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Mengikut Mood dan Keadaan	48
4.10	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Min Responden Mengikut Prestasi dan Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali	49
4.11	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Min Responden Mengikut Keberkesanan Hasil Kerja dan Berkeyakinan Serta Menambah Daya Ingatan	51
4.12	Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar	52
4.13	Ujian – t bagi Ujian Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar	54

SENARAI RAJAH

NO RAJAH & GRAF	TAJUK	HALAMAN
	Rajah Model Kerangka Konsep Kemahiran "Employability" [Diubahsuai dari Profil Rangka Kerja The Conference Board of Canada (1996: ms.40)]	11
4.1	Graf Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja	
	Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar	53

SENARAI SINGKATAN

KH	-	Kemahiran Hidup
SPSS	-	Statistical Packages for Sosial Science

LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Statistical Techniques and The Analysis Of Data/193	73
B	Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)	74
C	Kebenaran Menjalankan Kajian (JPNJ)	75
D	Pengesahan Instrumen	76
E	Lirik dan Lagu	78
F	Kertas Kerja Seminar Pendidikan Teknik dan Vokesional Peringkat Kebangsaan Di UTM pada 9&10 Dis 2009	79
G	Rencana Mingguan Malaysia mengenai Sejarah, Falsafah, Muzik Islami oleh Dr. Syed Ali Tawfik Al Attas	89
H	Minda Harian Metro mengenai Muzik Penyemarak Nasionalisme oleh Dr. Minni K. Ang.	90
I	Rencana Utama Kosmo mengenai Muzik Sekadar Di Pinggiran Prof. Dr. Ramona Mohd Tahir, Universiti Teknologi Mara.	91
J	Rencana Utama Kosmo mengenai Muzik Untuk Kehidupan Oleh Dia Fadila, Pensyarah Vokal Moden Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan serta Muzik Bukan Sekadar Melengkap oleh M. Nasir	92
K	Rap Harian Metro mengenai Dekati Islam Melalui Muzik Oleh Penyanyi Sweden berketurunan Lubnan, Maher Zain.	94
L	Borang Ujian Penilaian.	95
M	Contoh Jawapan Responden	103

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam sejarah pendidikan negara telah berlaku beberapa kali refomasi. Tegasnya ialah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan cabaran masa muka. Refomasi merupakan dinasmisme dalam pendidikan (Wan Zahid, 1993). Untuk melakukan refomasi kita harus sanggup menghadapi pelbagai cabaran seperti berusaha bagi menjamin kualiti perkhidmatan dalam profession keguruan serta kuantitinya, melengkapkan kemudahan-kemudahan fizikal, membentuk disiplin pelajar, dan memperbaharui kaedah-kaedah pengajaran supaya berkesan dan menarik dari masa ke semasa.

Pendidikan kemahiran hidup sekolah rendah adalah tidak berkualiti sekiranya perkhidmatan, kemudahan fizikal, disiplin serta pembaharuan kaedah pembelajaran dan pengajaran tidak dibaikpulih bagi tujuan membina dan mengembangkan pelajar dalam konsep rekabentuk dan teknologi serta perniagaan dan keusahawanan. Manakala pendidikan kemahiran hidup sekolah rendah juga adalah bermatlamatkan aplikasi yang lebih mendalam melibatkan proses penaakulan, komunikasi dan penyelesaian masalah juga akan menemui kegagalan sekiranya proses pembelajaran dan pengajarannya masih di tahap yang sama.

Menurut Nik Aziz Nik Pa (1992), kedua-dua matlamat ini dapat digunakan dalam penyelesaian masalah harian secara berkesan dan penuh bertanggungjawab dan seterusnya membuka mata dan minda pelajar untuk lebih menghargai kepentingan dan keindahan pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup. Ilmu kemahiran hidup dapat membantu pelajar mengendalikan urusan harian secara berdisiplin sesuai dengan kehendak masyarakat dan negara yang maju serta dapat membantu mereka melanjutkan pelajaran mengikut hala tuju dan matlamat masing-masing.

Namun, untuk memastikan penguasaan ilmu kemahiran hidup diminati sepenuhnya oleh pelajar, ia perlu bermula dari asas kemahiran hidup itu sendiri iaitu kreativiti seawal bermulanya persekolahan, pelajar telah didedahkan dengan aturan pembelajaran dan pengajaran kerja amali. Sekiranya kemahiran ini tidak diminati, maka seseorang pelajar akan mengalami masalah untuk memahami konsep rekacipta yang seterusnya kerana hampir keseluruhan ilmu kemahiran hidup adalah berpaksikan kreativiti dan inovatif.

1.2 Latar Belakang Masalah

Minat, kesungguhan dan tumpuan terhadap matapelajaran kemahiran hidup di kalangan pelajar dilihat sebagai aspek yang perlu diberi perhatian. Sekiranya situasi ini dipandang mudah dan bersahaja, maka akan bertambah jumlah pelajar yang keciciran dalam bidang kemahiran hidup. Bidang kemahiran hidup juga tidak seharusnya menjadi satu perkara yang membosankan, sukar dan sesuai untuk pelajar yang pintar sahaja, malah ia diharapkan dapat membuka ruang dan peluang kepada pelajar yang agak perlahan penguasaannya dalam akademik (Ang Huat Bin, 2000).

Sehubungan itu, penyelidikan ini memilih penggunaan muzik sebagai satu elemen bagi mengindahkan lagi pembelajaran dan pengajaran kemahiran hidup dan difokuskan dalam membina minat pelajar, keseronokan mengikut mood dan keadaan, prestasi dan bersedia belajar, serta keberkesanan hasil kerja dan daya ingatan terhadap kerja-kerja amali semaksimum yang boleh.

Kaedah konvensional atau cara lama yang digunakan hari ini iaitu mengajar dan hafalan yang kebanyakannya digunakan oleh guru-guru dilihat sebagai situasi yang dilalui oleh pelajar. Oleh kerana itu, ia menjadi satu perkara yang kurang menarik, lemah, membosankan, dan gagal merangsang minat keinginan pelajar untuk bersungguh-sungguh menguasai hasil produk. Kaedah ini juga hanya sesuai bagi sesetengah pelajar dan tidak praktikal bagi pelajar yang mempunyai masalah lemah daya kreativiti. Mereka akan merasakan mengingati dan menguasai kemahiran mereka cipta adalah perkara yang sangat sukar dan benci (Noraini Idris, 2001b)

Berdasarkan kecerdasan muzik yang dikupas dalam Teori Kecerdasan Pelbagai, penggunaan muzik dipilih kerana pengaruhnya yang besar kepada golongan pelajar. Melihat senario hari ini di mana muzik menjadi pilihan berhibur utama kepada mudamudi khasnya golongan remaja dan pelajar, penyelidik berminat untuk mengaplikasikannya ke dalam suasana yang lebih positif dan berguna untuk tujuan menambah indah pembelajaran dan pengajaran bagi meningkatkan minat pelajar terhadap kemahiran. Penggunaan rangsangan muzik bertujuan untuk mengubah suasana pembelajaran dan pengajaran agar lebih menarik dan pelajar boleh belajar sambil berhibur, tenang dan tidak tertekan. Sememangnya fitrah manusia suka kepada hiburan dan tidak salah sekiranya kita menggunakan hiburan untuk tujuan pembelajaran selagi konsep dan tujuan utamanya tidak menyimpang dari objektif utama pendidikan (Gadner, 1983)

Menyentuh tentang penggunaan muzik sebagai alat untuk penambahbaikan dalam pembelajaran dan pengajaran kemahiran hidup dapat mengukuhkan minat terhadap kerja amali di kalangan pelajar. Daud Mohd Noor (1982) menyatakan penggunaan rangsangan muzik boleh diimplementasikan ke dalam pembelajaran secara berkesan jika ianya dirancang lebih awal dan dilaksanakan secara teratur dan bersistem. Di antara contoh Pendekatan Pengajaran Bersistem ialah

- i. Persediaan guru sebelum memulakan pengajaran. Persediaan ini adalah melibatkan konsep sendiri guru itu sendiri iaitu keyakinan guru tersebut untuk menyampaikan maklumat secara teratur dan terperinci.
- ii. Persediaan kelas dan bahan bantu yang digunakan guru untuk proses pengajaran dan pembelajaran dapat berfungsi sebagai penghubung antara maklumat yang ingin disampaikan oleh guru kepada pelajarinya.
- iii. Persediaan pelajar sendiri iaitu suasana yang dapat mencipta mereka untuk melalui proses pembelajaran dan pengajaran tanpa ada perasaan 'menolak'.
- iv. Penggunaan bahan dan aktiviti adalah yang maksimum dan berkesan dalam menyampaikan objektif pembelajaran dan pengajaran.
- v. Penilaian oleh guru dan pelajar adalah sebagai kayu ukur kejayaan proses pembelajaran dan pengajaran. Dapatan penilaian boleh digunakan untuk memperbaiki proses pembelajaran dan pengajaran akan datang.

Minat terhadap kerja amali dan kemahiran di kalangan pelajar sekolah rendah adalah sangat lemah kerana guru kemahiran hidup mengajar pertukangan dengan menggunakan kaedah asal buat melalui apa yang difikir betul semata-mata (Yudariah, 2002). Pelajar terlebih dahulu terpaksa belajar mencipta kemudian diikuti oleh membuat. Pendapat ini mungkin benar seandainya guru kemahiran hidup hanya memaksa pelajar

mencipta dan membuat tanpa kaedah baru yang lebih efisien diikuti dengan penerangan pemahaman konsep rekacipta. Justeru, kajian ini turut meninjau sama ada pendapat ini benar atau sebaliknya dan mencari alternatif bagi membendung kelemahan ini.

Muzik mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar memandangkan elemen ini menyentuh mengenai keseronokan dan kegembiraan. Maka penggunaan elemen muzik adalah amat disarankan sebagai alternatif menjadikan kaedah pembelajaran dan pengajaran tidak mendatar dan membosankan pelajar (Noraini Idris, 2001a). Walau apa pun bentuk rancangan yang digunakan, keberkesanan adalah terletak pada pengeksploasian bahan bantu mengajar dengan sebaiknya oleh guru.

Walaupun pelbagai teknik dan kaedah pembelajaran dan pengajaran telah diaplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran harian di sekolah-sekolah sebagai memenuhi kehendak kurikulum, namun ada segelintir pelajar yang tidak dapat menerima kaedah konvensional itu. Secara fizikalnya mereka kelihatan sama seperti pelajar-pelajar yang lain tetapi dari segi penerimaan ilmu, golongan ini mempunyai sedikit kelemahan. Mereka sering merasa terpinggir dan menganggap proses pembelajaran merupakan satu perkara yang membosankan dan tidak mendatangkan apa-apa makna kerana mereka tidak dapat memahami dan menerima kehendak sebenar objektif pembelajaran. (Ang Huat Bin, 2000a).

Oleh kerana kaedah konvensional didapati kurang berkesan kepada pelajar yang lemah, maka satu kaedah telah dipilih oleh penyelidik bagi membantu pelajar yang tidak berminat terhadap kemahiran. Rangsangan penggunaan muzik dipilih khusus untuk merangsang pembelajaran dan pengajaran agar pelajar dapat membina kepuasan dan minat secara langsung terhadap kemahiran mereka dengan baik dan menarik. Justeru itu, menurut Menteri Pelajaran Malaysia (2003), strategi pembelajaran dan pengajaran yang disarankan perubahannya adalah untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran dan berupaya pula meneruskannya sendiri.

1.3 Pernyataan masalah

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup kepada pelajar tahun 4, 5, dan 6 di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Pontian. Beberapa aspek telah diambil dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjadi fokus utama kepada pengkaji bagi mengenalpasti keberkesanan kajian. Antara aspek berikut adalah;

1. Meningkatkan minat pelajar.
2. Keronokan mengikut mood dan keadaan.
3. Peningkatan prestasi dan bersedia belajar kepada pelajar.
4. Keberkesanan hasil kerja, berkeyakinan, dan menambah daya ingatan.

1.4 Objektif

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i Mengenalpasti sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan minat pelajar dalam kerja-kerja amali kemahiran hidup.
- ii Menguji sama ada wujud keseronokan mengikut mood dan keadaan kepada pelajar dalam kerja-kerja amali kemahiran hidup.
- iii. Meninjau sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan prestasi dan bersedia belajar kepada pelajar ketika belajar.
- iv. Menentukan sama ada terdapat penambahbaikan hasil kerja, berkeyakinan dan menambah daya ingatan pelajar sewaktu pembelajaran dan pengajaran amali kemahiran hidup beroperasi.

1.5 Persoalan Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan-jawapan terhadap beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i- Apakah penggunaan muzik dapat meningkatkan minat pelajar tahun 4, 5, dan 6 terhadap penggunaan muzik semasa pembelajaran kemahiran hidup dijalankan?
- ii- Apakah penggunaan muzik dapat mewujudkan keseronokan mengikut mood dan keadaan kepada pelajar tahun 4, 5, dan 6 dalam pembelajaran dan pengajaran amali kemahiran hidup?
- iii. Apakah penggunaan muzik dapat meningkatkan prestasi dan bersedia belajar kepada pelajar ketika belajar dalam pembelajaran dan pengajaran amali kemahiran hidup di sekolah tersebut?
- iv. Apakah penggunaan muzik dapat menambahkan keberkesanan hasil kerja, berkeyakinan dan menambah daya ingatan kepada pelajar ketika pembelajaran dan pengajaran kemahiran hidup dijalankan?

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini perlu dilakukan memandangkan pelajar harus dibantu dan diberikan peluang untuk meminati semaksimum mungkin bidang kemahiran hidup. Kerja-kerja amali yang merupakan perkara asas dalam kemahiran hidup perlu diminati oleh pelajar-pelajar ini bagi memudahkan laluan mereka untuk meneruskan penerokaan yang lebih jauh dalam kemahiran hidup. Di samping itu ia turut dilakukan bagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan pelajar-pelajar ini. Penyelidikan ini boleh membantu mengubah pandangan dan persepsi pelajar terhadap prinsip aturan kerja amali khasnya dan mata pelajaran kemahiran hidup amnya.

Selagi kanak-kanak itu masih berada di bawah sistem pendidikan, mereka perlu dibantu untuk mengembangkan segala potensi yang ada dalam diri. Ini bermakna setiap kanak-kanak mempunyai hak dan peluang yang sama untuk dibantu. Ang Huat Bin (1999b) menegaskan dasar kerajaan iaitu "Pendidikan Untuk Semua" yang menekankan peri mustahaknya kanak-kanak diberikan peluang yang sama untuk hidup dalam persekitaran yang normal serta menikmati sistem pendidikan yang sama seperti yang diperolehi oleh pelajar normal yang lain. Perancangan kurikulum dilakukan untuk memberi peluang yang sama rata kepada setiap pelajar bagi mendapat kemahiran dan pengetahuan serta menghayati nilai yang diperlukan.

Kajian ini adalah bertujuan untuk membantu pihak yang terlibat mengenalpasti kaedah yang terbaik untuk mengukuhkan dan meningkatkan minat kerja amali pelajar. Pelbagai panduan yang diperolehi daripada penyelidikan ini boleh mempertingkatkan kecekapan guru yang mengendalikan pelajar yang tidak atau kurang meminati kerja amali.

Setiap kali Rancangan Malaysia untuk lima tahun dibentangkan, isu pendidikan kepada pelajar tidak pernah diabaikan. Kerajaan telah memperuntukkan banyak kemudahan bagi memastikan agar setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat peluang

yang sama untuk memperoleh pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah perlu untuk memberi input penggunaan teknik yang sesuai bagi meningkatkan minat, keseronokan, prestasi, hasil kerja, dan menambahkan daya ingatan pelajar agar setiap sen yang diperuntukkan oleh kerajaan itu tidak menjadi satu pembaziran seandainya ia tidak berkesan dan mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak yang memerlukan.


Secara umum, kepentingan kajian ini menjurus kepada rangkaian warga pendidikan yang melibatkan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai pencetus idea dan strategi. Manakala Pusat Perkembangan Kurikulum pula bertindak sebagai penggubal kurikulum. Jabatan Pelajaran Negeri dan daerah pula berperanan sebagai penyampai mesej perubahan dan pemantau. Manakala sekolah dan guru bertindak sebagai pelaksana pembelajaran dan pengajaran serta kaedah, dan pelajar serta ibubapa selaku penerima perubahan dan menghasilkan produk sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.7 Batasan Kajian

Secara amnya, kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Pontian dan melibatkan hanya 180 orang pelajar tahun empat, lima dan enam. Aspek untuk mengkaji sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam menguasai kerja-kerja amali dinilai berdasarkan perbandingan keputusan ujian diagnostik dalam Bahagian I dan II borang Ujian Penilaian pelajar sebelum dan selepas penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran guru. Aspek tinjauan terhadap persepsi pelajar mengenai pembelajaran dan pengajaran kerja amali menggunakan muzik dinilai melalui soal selidik dalam Bahagian III yang diedarkan pada penghujung pembelajaran dan pengajaran.

Kajian ini dihadkan pengujiannya kepada beberapa faktor iaitu dari segi responden, elemen pemboleh ubah, dan dapatan kajian. Faktor responden dihadkan kepada pelajar tahun empat, lima, dan enam dari tiga kelas yang mempunyai persamaan dari segi prestasi yang dinilai dalam keputusan Ujian Pencapaian Bulanan. Hanya penggunaan lagu dan melodi dalam muzik digunakan sebagai pemboleh ubah. Dapatan kajian ini tidak boleh mewakili dapatan bagi semua peringkat pelajar dan hanya terbatas kepada kumpulan responden yang diuji.

1.8 Kerangka Konsep



Rajah 1.1 : Model Kerangka Konsep Kemahiran "Employability" [Diubahsuai dari Profil Rangka Kerja The Conference Board of Canada (1996: ms.40)]

Berdasarkan model serta teori yang dinyatakan, penyelidik cuba menghuraikan kajian ini berdasarkan kerangka konsep yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian matlamat kajian ini seperti dalam rajah 1.1. Terdapat pelbagai model kajian terdahulu berkaitan dengan aspek kemahiran “employability” yang di kenal pasti penting dan diperlukan oleh penyelidik secara amnya. Antara model-model kajian tersebut adalah Model Kajian, Model for Human Resource Development (HRD) Practice De Leon dan Borcher (1989), Model Zirkle (1998), dan Model Rangka Kerja The Conference Board of Canada (1996).

Model SCANS (1991) telah membahagikan kemahiran belajar atau bekerja kepada dua bahagian yang utama iaitu: Pertama Kemahiran Asas (membaca, menulis, mengira, mendengar, dan bercakap). Kemahiran berfikir (berfikir secara kreatif, kemahiran membuat keputusan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mentaakul, dan kemahiran belajar) dan Kualiti Individu (memaparkan sikap bertanggungjawab, yakin diri, kemahiran bersosial, kemahiran mengurus diri, dan integriti serta kejujuran).

Kedua pula adalah Ketrampilan di Tempat Kerja, umpamanya di bengkel kemahiran hidup (kemahiran mengenal pasti, kemahiran mengurus, kemahiran merancang, dan mengagihkan sumber), Kemahiran Interpersonal (belajar atau bekerja dengan orang lain), Kemahiran Maklumat (mendapat, dan menggunakan maklumat), Kemahiran Sistem (memahami perhubungan yang kompleks) dan Kemahiran Teknologi (kemahiran belajar atau bekerja dengan pelbagai teknologi).

Berdasarkan gabungan model-model yang diutarakan tadi, penyelidik telah merangka satu kerangka kajian dengan asas rujukan utamanya berdasarkan Model The Conference Board of Canada (1996) dan juga sokongan dari “Human Capital **Theory**” (Backer 1964, Schults 1963). Dalam kajian ini penyelidik ingin mengenal pasti dan meninjau sejauh mana penggunaan muzik dapat meningkatkan minat pelajar, membina keseronokan belajar, meningkatkan prestasi dan menambahbaik hasil kerja serta daya

ingatan pelajar sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup di sekolah rendah.

1.9 Definisi Terminologi

Dalam kajian ini terdapat pelbagai istilah kajian yang digunakan. Bagi memberi pengertian yang jelas dan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan di bawah ini dijelaskan beberapa definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.

1.9.1 Penggunaan

Mengaplikasikan suatu perkara atau subjek ke dalam suatu keadaan. Dalam konteks kajian ini, istilah ini difokuskan kepada penggunaan muzik sebagai instrumen yang membantu dalam pembelajaran dan pengajaran kemahiran hidup di sekolah rendah.

1.9.2 Muzik

Elemen yang mengandungi ritma, melodi atau kelangsingan bunyi yang tersusun yang boleh mententeramkan keadaan. Muzik adalah salah satu daripada kecerdasan yang disenaraikan oleh Howard Garner sebagai kecerdasan yang boleh dikembangkan potensinya dan juga boleh digunakan untuk merangsang perkembangan kecerdasan lain.

1.9.3 Minat

Menurut Kamus Dewan, minat bermaksud keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu. Tegasnya, Proses memahami suatu perkara atau keadaan dengan rasa tertarik, suka dan gembira, ceria tanpa dipaksa. Dalam konteks penyelidikan ini ia merujuk

kepada minat kerja amali. Minat dilihat dari segi rasa ingin tahu secara inisiatif dan kecekapan yang dibina sendiri oleh pelajar tanpa jemu atau bosan untuk merekacipta dan mengaplikasikan alatan dan hasil produk ke dalam soalan yang dikemukakan.

1.9.4 Kerja amali

Menurut Kamus Za'ba, kerja amali bermaksud pembelajaran yang melibatkan operasi bergabung pancaindera untuk menghasilkan sesuatu produk yang dapat dilihat, dirasa di pegang, dipamerkan dan dinilai bentuknya, hasil kerjanya dan dapat merangsang kepada individu untuk memilikinya atau mengklonkannya yang boleh dieksplotasikan dalam pelbagai bentuk kemahiran hidup. Dalam kajian ini, kerja amali bermaksud pembelajaran dan pengajaran melibatkan anggota tangan seperti kerja tangan, pertukangan, dan diperdengarkan dengan muzik.

1.9.5 Pelajar

Menurut Kamus Dewan pelajar bermaksud murid sekolah atau mahasiswa universiti, kolej dan institusi. Tegasnya, individu yang belajar, menyelidiki ilmu dan berumur enam hingga 17 tahun yang diwajibkan mengikuti persekolahan sama ada sekolah rendah atau menengah. Manakala mereka yang berumur lebih daripada itu dianggap sebagai pelajar pusat pengajian tinggi. Penyelidikan ini difokuskan kepada pelajar tahun empat, lima, dan enam yang dinilai berdasarkan keputusan Ujian Penilaian Bulanan Sekolah.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab dua ini, pengkaji akan mengemukakan tinjauan, pendapat dan kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji tempatan dan luar negeri berhubung dengan penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan. Kajian ini difokuskan kepada dua aspek utama. Pertama iaitu untuk melihat sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan minat, keseronokan mengikut mood dan keadaan, prestasi dan bersedia belajar, serta menambahbaik hasil kerja, dan daya ingatan pelajar dalam subjek kemahiran hidup, khususnya dalam kerja-kerja amali. Kedua pengkaji meninjau persepsi pelajar terhadap kesan positif penggunaan muzik sewaktu dalam proses pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup yang dijalankan di bengkel kemahiran hidup.

2.2 Sorotan Penulisan

Walaupun pada masa ini banyak alat canggih direka dan dicipta bagi menyelesaikan masalah pedagogi pengajaran dan pembelajaran tetapi pada asasnya penyelesaian itu tidak dapat dilakukan sekiranya prinsip kerja-kerja amali dalam subjek kemahiran hidup tidak diminati dan

diketahui. Penggunaan hanya boleh memudahkan cara dan memendekkan jalan pembinaan produk untuk mendapatkan jawapan. Dalam hal ini, prinsip dan formula mestilah difahami terlebih dahulu untuk diaplikasikan dalam penggunaan alat itu.

Menurut Kementerian Pelajaran (2010), strategi pembelajaran dan pengajaran yang disarankan adalah untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran seterusnya dan berupaya meneruskannya sendiri. Mengikut strategi ini, setiap pelajar akan mengambil bahagian secara aktif di dalam pelbagai kegiatan meliputi pelbagai unsur daripada komponen-komponen kemahiran asas, kerohanian, nilai dan sikap, kemanusiaan, dan persekitaran serta kesenian, dan rekreasi.

Teknik pembelajaran dan pengajaran yang digunakan seharusnya sesuai dengan perkembangan diri dan kebolehan murid-murid supaya pembelajaran dan pembelajaran itu adalah menarik, berkesan, dan bermakna (Wan Zahid, 1993). Dalam menggunakan teknik-teknik yang sedemikian, guru-guru digalakkan menjalankan pelbagai kegiatan dan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat murid-murid.

Walaupun subjek kemahiran hidup yang melibatkan kerja amali adalah satu mata pelajaran yang abstrak tetapi pendekatan yang betul dan konkrit patut disediakan supaya mata pelajaran itu tidak menimbulkan kesan negatif yang boleh menambah kekeliruan kepada pelajar. Satu pendekatan harus dicari untuk meredakan kesan negatif yang mungkin terpacat di sanubari pelajar. Dengan cara itu pelajar boleh bertenang, tidak menggelabah dan berani menghadapi 'tekanan' kerja amali (Blazek, 1975).

Menurut Azlina Awang (2002), satu kaedah yang pernah diamalkan di sekolah rendah kini diusulkan penggunaannya semula. Kaedah mengingat semula harus digunakan melalui nyanyian dan lagu. Kaedah ini dapat membantu pelajar lebih bersedia untuk belajar. Mereka akan sentiasa mengulangkaji, membaca dan mengingat semula. Kajian ini menyorot kaedah ini tetapi menggunakan pendekatan rangsangan muzik.

Menurut Dr. Syed Ali Tawfik Al- Attas (2008), menyatakan bahawa 'Muzik bukan sahaja suatu sains tetapi juga seni; seni yang menghibur, menyuburkan hati, menenangkan jiwa dan yang terpenting, dalam bahasa sufi ia menjadi wasilah bagi menyatakan keasyikan belajar dan kerinduan terhadap apa yang diingat.

Manakala Dr. Minni K. Ang,(2009), menyatakan bahawa muzik digunakan untuk menimbulkan semangat kekitaan dalam belajar dan bekerja serta melambangkan identiti sesuatu negara. Kenyataan tersebut disokong oleh Dr. Ramona Mohd Tahir (2009), bahawa pembelajaran dan pengajaran melalui muzik di sekolah mendedahkan generasi muda kepada kesenian dan hasil kerja yang lebih profesional. Kenyataan ini disokong oleh Baharom Muhamad (2010) apabila beliau menyatakan bahawa gaya pembelajaran yang menggunakan pemrosesan otak kanan cenderung kepada pembelajaran muzik, pendidikan seni, mereka bentuk, dan aktiviti-aktiviti yang bercorak kreatif. Tegasnya, semua gaya pembelajaran yang melibatkan pemrosesan otak kanan adalah di dalam komponen sukatan mata pelajaran kemahiran hidup.

Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim (2010), juga memberi ulasan bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Sebagai contoh, ada individu yang suka belajar dengan cara diri sendiri, ada individu yang suka belajar dengan kawan karib atau secara kumpulan; ada individu yang suka belajar melalui syarahan atau perbincangan; ada individu yang suka belajar melalui pemerhatian, kajian atau rujukan bahan; ada individu yang suka belajar dalam keadaan sunyi dan tenang; tetapi ada individu yang suka belajar dalam keadaan yang ada bunyi-bunyian irama lagu atau muzik dan ada individu yang suka belajar dengan pelbagai gaya lain yang beraneka ragam bentuknya.

2.2.1 Penggunaan Elemen Muzik Dalam Pembelajaran

Gardner (1983) menyatakan bahawa wujud berbagai-bagai proses dalam fikiran pelajar ketika berlaku pembelajaran dan proses ini dipengaruhi oleh faktor-faktor luar yang mana salah satunya adalah irama. Menurutnya lagi, pengajaran ialah penyusunan semula faktor-faktor luar untuk menggalakkan dan menyokong proses dalam fikiran supaya pembelajaran dilicinkan.

Faktor irama yang dimaksudkan oleh Gardner ini dikategorikan dalam muzik yang mana menyokong sorotan kajian ini (Siew Fook Cheong, 1986).

Rangsangan muzik mampu memberikan kesan yang mendalam kepada para pelajar memandangkan elemen ini menyentuh mengenai keseronokan dan kegembiraan. Maka penggunaan rangsangan muzik adalah amat disarankan sebagai alternatif menjadikan kaedah pembelajaran dan pengajaran tidak mendatar dan membosankan pelajar (Noraini Idris, 2001b).

Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran dalam Laporan 1979 hasil tulisan Mok Soon Sang (2003b) memperakukan supaya Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat sekolah rendah bercorak asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira sebagai persediaan awal untuk menguasai pembelajaran dan pengajaran yang menjurus kepada amali dan kemahiran.

Menurut West (1991), jika seorang pelajar dikenalpasti mempunyai masalah dalam pembelajarannya, maka pihak sekolah perlu mengenalpasti formula untuk membantu meningkatkan perkembangan pelajar itu terutamanya dalam tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Zaiton (1999) mendapati pengajaran kemahiran hidup di peringkat sekolah rendah tahap dua kerap kali tidak dapat dijalankan sebagaimana yang telah dirancang kerana masalah terdapat segolongan pelajar yang masih belum dapat menguasai kemahiran asas kerja tangan yang sepatutnya dikuasai oleh mereka semasa di tahap satu lagi.

Menurut Mok Soon Sang, kajian Zaiton dan pandangan West di atas, menegaskan peri pentingnya untuk memastikan rasa minat terhadap kemahiran asas di kalangan pelajar. Kajian ini menekankan peneguhan aspek mengukur yang merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu dipelajari pelajar. Mengira merupakan asas mengukur bahan yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar agar mereka dapat meminati bidang kerja amali secara lebih mendalam. Sehubungan itu, berdasarkan pandangan Noraini, kajian ini memilih penggunaan muzik sebagai pemangkin untuk

melihat sama ada ia mempengaruhi keberkesanan kerja amali mata pelajaran kemahiran hidup kepada pelajar.

Untuk meneliti secara lebih mendalam rasional penggunaan elemen muzik dalam pembelajaran dan pengajaran, tiga model teori dikupas iaitu Teori Kecerdasan Pelbagai, Teori Behaviorisme dan Prinsip Premack.

2.2.2 Model Teori Kecerdasan Pelbagai

Salah satu strategi yang ditekankan di sekolah ialah aspek kecerdasan pelbagai yang disyorkan oleh Gardner (1983) dan Hoyle (1992a). Strategi pembelajaran dan pengajaran ini memberikan banyak peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif, berdasarkan kepada pengalaman mereka. Dalam teori tersebut menyatakan bahawa setiap individu adalah berlainan berbanding dengan individu yang lain dari segi pembelajaran. Menurutnya, setiap manusia mempunyai lapan kecerdasan yang disenaraikan Gardner melibatkan :

- i. Kecerdasan Verbal - Linguistik
- ii. Kecerdasan Logik – Matematik
- iii. Kecerdasan Fizikal - Kinestatik
- iv. Kecerdasan Visual - Spatial
- v. Kecerdasan Muzik
- vi. Kecerdasan Interpersonal
- vii. Kecerdasan Intrapersonal
- viii. Kecerdasan Naturalistik

2.2.2.1 Hubungan Antara Kecerdasan Logik- Amali dan Kecerdasan Muzik

Kecerdasan Logik-Amali adalah kebolehan menggunakan alatan, logik dan nombor. Pelajar yang mempunyai kecerdasan ini berfikir secara konsep, logik dan pola angka yang menghubungkan serpihan-serpihan maklumat. Mereka suka melakukan eksperimen dan berkebolehan menyelesaikan konsep-konsep abstrak untuk mencari perkaitan, mencipta dan memikirkan peristiwa semula jadi.

Kecerdasan muzikal pula melibatkan kebolehan menghasilkan dan menghargai muzik. Pelajar-pelajar ini lebih cenderung berfikir dalam bunyi, irama, dan pola. Mereka mudah memberi respon kepada muzik sama ada menghargai atau mengkritik apa yang mereka dengar. Mereka juga sensitif terhadap bunyi daripada persekitaran seperti cengkerik, loceng dan titisan air. Kenyataan ini disokong oleh Baharom (2010), apabila beliau menyatakan jenis bunyi menghasilkan gaya pembelajaran yang beraneka jenis. Tegasnya, terdapat pelajar yang suka belajar dengan bunyi muzik atau di tempat yang ada siaran radio atau televisyen.

Pelajar yang lemah dalam logik boleh dirangsang supaya menguasai kerja amali dengan menggunakan muzik. Pelajar yang mempunyai kecerdasan muzik berkemampuan untuk menggemari, mendiskriminasi dan meluahkan perasaan melalui muzik. Kecenderungan ini termasuk kepekaan terhadap ritma, melodi atau kelangsingan suatu hasil muzik. Kebanyakan pelajar mempunyai kecenderungan terhadap muzik biar pun pelajar itu lebih berbakat dalam verbal, logik, visual dan sebagainya (Saniah Sayuti, 2000a).

Esah Sulaiman (2003) mengingatkan warga pendidik bahawa kecerdasan boleh dipelajari dan ditingkatkan. Apabila kecerdasan diterokai secara tidak langsung ia akan memotivasikan pelajar untuk terus belajar. Guru harus sedar bahawa bukan semua pelajar boleh belajar dan memberi respon dalam situasi yang sama. Oleh itu, guru harus menggunakan pelbagai strategi dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka.

Teori Kecerdasan Pelbagai mengesyorkan kecerdasan yang dimiliki oleh individu dapat membantu dalam proses pembelajaran di sekolah. Ini adalah kerana setiap individu mempunyai '*frame of mind*' yang berbeza, maka mereka akan menterjemahkan segala informasi yang dimiliki berdasarkan kecerdasan yang dimiliki. Teori Kecerdasan Pelbagai juga mengambil kira keperluan pelajar dari segi minat, motivasi dan pengalaman mereka dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Aspek ini adalah penting untuk memastikan seseorang pelajar itu terus mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang diberikan. Pelajar-pelajar juga berpeluang menunjukkan kefahaman mereka tentang sesuatu produk dalam pelbagai cara (Beardsley, 1991).

Sehubungan itu, mengikut definisi dan pendapat di atas, maka boleh disimpulkan kecerdasan logik boleh dikukuhkan melalui kecerdasan muzik. Kecerdasan logik boleh digilap melalui strategi kecerdasan muzik kerana setiap kecerdasan yang wujud dalam diri manusia boleh ditingkatkan melalui pembelajaran berkesan.

Hoyle (1992b) pula memberikan takrif kecerdasan muzik yang tidak jauh berbeza dengan Gardner iaitu kecerdasan muzik adalah merupakan salah satu daripada cabang pelbagai kecerdasan (*multiple intelligences*) yang ada pada diri individu. Kecerdasan ni amat sensitif pada bunyi dan kesannya pula dapat mengimbangi serta mempengaruhi kehidupan manusia.

Menurut Gardner (1983), istilah muzik sebenarnya ialah bunyi yang tersusun yang boleh mententeramkan keadaan manakala kebisingan (*noise*) ialah bunyi yang tidak tersusun serta mendatangkan ketegangan pada pendengaran. Dalam konteks ini bunyi bukanlah hanya ditujukan kepada lagu dan nyanyian sahaja tetapi lebih dari itu. Namun, berdasarkan objektif kajian ini, hanya bunyi yang melibatkan lagu dan melodi sahaja dibincangkan.

2.2.3 Model Teori Behaviorisme

Behaviorisme merupakan satu pendekatan pemikiran yang menekankan peranan pengalaman dalam mengawal tingkah laku. Menurut ahli-ahli behaviorisme, wujud proses-proses penting yang mengawal tingkah laku ini iaitu dorongan yang mengawal tingkah laku dan tingkah laku tertentu yang dibangkitkan oleh dorongan. Kedua-dua proses ini dipelajari melalui interaksi dengan persekitaran untuk menentukan hukum-hukum atau prinsip yang mengawal pembelajaran dan pengajaran.

Pendekatan Behaviorisme dibahagikan kepada pelaziman klasik dan pelaziman operan berdasarkan sumbangan oleh tokoh-tokoh ahli behaviorisme. Dalam kajian ini, hanya pelaziman operan dibincangkan kerana ia menepati reka bentuk dan prosedur kajian. Pelaziman operan memberi fokus kepada pembelajaran yang mana tingkah laku terkawal diperteguhkan atau dilemahkan oleh kesan tingkah laku tersebut.

2.2.3.1 Model Eksperimen Edward L.Thorndike

Menurut Saniah Sayuti (2000b), hukum-hukum pembelajaran yang ditekankan dalam pelaziman operan yang dijalankan dalam eksperimen oleh Edward L. Thorndike ialah hukum kesediaan, hukum latihan, dan hukum kesan. Hukum kesediaan merujuk kepada persiapan yang perlu ada sebelum individu itu bertindak iaitu belajar. Kesediaan dapat dilihat dari tiga aspek utama iaitu psikomotor, afektif dan kognitif. Hukum latihan menyatakan bahawa sesuatu tingkah laku akan diteguhkan melalui aplikasi dan akan dilemahkan tanpa pengukuhan. Hukum latihan ini sangat sesuai digunakan bagi latihan amali.

Menurut Saniah Sayuti (2000b), ahli behaviorisme E.L.Thorndike menyarankan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas akan bertambah kukuh jika terdapat latihan amali. Ini bermakna,

kesan penggunaan muzik terhadap penguasaan kerja amali pelajar akan bertambah kukuh sekiranya rangsangan ini dilakukan secara berulang-ulang dan dalam suasana yang menyenangkan tanpa tekanan.

Berpandukan Teori Behaviorisme, ujian yang dijalankan menggunakan muzik ke atas pelajar dijalankan secara berulang-ulang agar mereka dapat memberikan tindak balas yang paling maksimum bukan sahaja kepada persepsi, minat, dan tingkah laku mereka tetapi juga dalam penguasaan kerja amali dan produk. Demikian juga, minat kerja amali pelajar akan bertambah kukuh jika muzik yang digunakan mendatangkan satu keseronokan dan kepuasan kepada pelajar. Mereka akan lebih bersedia untuk melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan.

Hukum kesan menyatakan bahawa jika sesuatu tindakan diikuti oleh sesuatu perubahan persekitaran yang menyeronokkan, kebarangkalian tindakan itu berlaku akan meningkat dan sebaliknya. Selepas gerak balas terhasil, pertalian antara rangsangan dan gerak balas akan bertambah kukuh jika terdapat kesan yang menyeronokkan. Kesan yang menyakitkan akan melemahkan pertalian antara rangsangan dan gerak balas. Dalam konteks kajian ini, pelajar terdorong untuk meminati kerja amali apabila diterapkan rangsangan muzik. Kesimpulannya, kebosanan pelajar terhadap subjek kemahiran hidup yang melibatkan kerja amali akan lenyap apabila mereka terdorong dan mendapat kepuasan untuk menguasainya (Esah Sulaiman, 2003).

Berdasarkan kepada tiga hukum di atas, maka penyelidik berpendapat hukum ini sesuai untuk dijadikan sebagai salah satu pendekatan berkesan untuk mengkaji penggunaan muzik dapat meningkatkan minat terhadap kerja amali. Antara strategi yang digunakan oleh penyelidik ialah:

- i Menggunakan muzik sebagai rangsangan untuk mewujudkan minat terhadap suasana pembelajaran yang menyeronokkan.
- ii Memberi ganjaran atau peneguhan untuk respon yang betul.
- iii Mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran.
- iv Sentiasa menilai aspek kesediaan pelajar.

2.2.4 Model Prinsip Premack

Konsep utama prinsip Premack ialah mengaitkan aktiviti yang kurang diminati dengan yang lebih diminati untuk mengukuhkan tingkah laku terhadap aktiviti yang kurang diminati. Prinsip ini juga dikenali sebagai '*Grandma's Rule*' (Ramlah Jantan, 2002). Penyelidik mengambil kira prinsip ini sebagai panduan bagi menjalankan kajian yang menggunakan rangsangan muzik untuk mempengaruhi pelajar supaya lebih meminati amali. Secara tidak langsung pelajar merasa tidak bosan malah lebih seronok untuk menghasilkan sesuatu produk.

2.3 Hubungan Antara Prestasi dan Persepsi Pelajar

Berdasarkan tujuan kajian ini iaitu untuk mengkaji mengenai prestasi dan persepsi responden berkaitan penggunaan rangsangan muzik dalam kerja amali, beberapa kajian oleh penyelidik di dalam dan luar negara telah diselidiki dan diambilkira dapatannya. Antara lain, kajian Morris (1981) mendapati kebanyakan pelajar tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam kemahiran hidup disebabkan oleh persepsi negatif mereka terhadap kemahiran hidup. Abu Zahari (1988) dalam Kajiannya mendapati seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajarinya lazimnya akan menunjukkan prestasi yang tinggi.

Manakala Foo Siet Chooi (1986) menyimpulkan bahawa pelajar yang mempunyai persepsi positif terhadap kerja amali mempunyai motivasi yang tinggi untuk mempelajarinya. Lantaran itu, mengikut pendapat penyelidik-penyelidik di atas, menjelaskan bahawa setiap prestasi dipengaruhi oleh persepsi pelajar terhadap subjek kemahiran hidup. Untuk membentuk persepsi yang positif, suatu pembelajaran itu perlu memenuhi kehendak dan minat pelajar. Berpandukan pandangan ini juga, kajian ini memilih penggunaan muzik sebagai pemangkin untuk membentuk persepsi positif pelajar terhadap kemahiran hidup memandangkan ia kebanyakannya disukai oleh pelajar yang rata-ratanya adalah remaja.

Kajian tentang pengaruh persepsi pelajar terhadap prestasi dalam kemahiran hidup oleh Mat Sari (1986) mendapati wujudnya korelasi yang signifikan antara persepsi pelajar dengan prestasi dalam kemahiran hidup. Austin (1965) yang melakukan kajian terhadap 140 pelajar sekolah menengah di Pennsylvania, Amerika Syarikat untuk melihat hubungan antara persepsi, minat dan aktiviti pembelajaran serta kaitannya dengan prestasi dalam kerja amali, membuktikan terdapatnya perhubungan antara factor-faktor tersebut dengan prestasi akademik, malah wujud juga perhubungan antara persepsi dengan aspirasi akademik masa depan. Persepsi dan aspirasi pelajar mempunyai kaitan dengan kebiasaan pelajar. Kebiasaan belajar yang baik telah dibuktikan mempunyai kaitan yang rapat dengan pencapaian akademik. Pendapat Ismail Ibrahim (1994) menyatakan masalah kurang minat dalam kemahiran hidup bukan sahaja berlaku di kalangan pelajar Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara maju lain.

Schultz dan Green (1953) membuktikan bahawa persepsi, minat dan kebiasaan pelajar mempunyai kaitan rapat dengan prestasi dalam kerja amali. Sikap pelajar yang baik mempengaruhi minat dan seterusnya membentuk kebiasaan belajar yang baik. Kesemua factor ini menjadikan prestasi pelajar bertambah baik. Melalui kajian yang dibuat oleh Tocci dan Engelhard (1991) ke atas 3480 pelajar Amerika Syarikat dan 3580 pelajar Thailand mendapati ada hubungan yang signifikan antara persepsi dan prestasi.

Adnan Khamis (1985) mendapati wujud korelasi yang rendah antara persepsi dan prestasi dalam kerja amali. Hubungan yang lemah ini berkemungkinan kerana pelajar menyedari akan kepentingan kerja amali tetapi kemampuan untuk mendapat skor yang tinggi adalah terhad.

2.4 Pengaruh Jantina Terhadap Hubungan Antara Prestasi dan Persepsi Pelajar

Kajian mengenai prestasi dan persepsi pelajar telah menemukan hasil yang tidak konklusif. Tzeng (1987) dalam kajiannya terhadap pelajar di Taiwan mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam persepsi dan prestasi kerja tangan (kesenian) dikalangan pelajar lelaki dan perempuan kecuali pelajar perempuan membuat persepsi bahawa kerja tangan adalah domain lelaki. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Barrick (1980) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan ke dua-dua jantina.

Walau bagaimana pun, kajian oleh Simpson (1974) dan Fennera dan Sherman (1977) menunjukkan yang pelajar lelaki lebih cenderung menunjukkan persepsi positif terhadap vokasional (Living Skill) dan juga prestasi yang lebih baik berbanding pelajar perempuan. Hanna et al (1990) telah mengkaji prestasi kemahiran hidup di kalangan kedua-dua jantina di sekolah menengah di Amerika Utara, Eropah dan Asia Timur. Kajian mereka menggunakan data yang dikumpulkan oleh "The Second International Living Skill Study" (S. I. L. S. S) yang dijalankan untuk "International Association for The Evaluation of Education Achievement" (I. E. A). Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar lelaki menunjukkan prestasi yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar perempuan. Kajian oleh Berinderjeet (1991) dikalangan pelajar di sekolah menengah 'O Level' di Singapura menunjukkan pelajar lelaki mempunyai prestasi yang lebih tinggi daripada perempuan.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tujuan kajian untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara persepsi dan prestasi dalam matapelajaran kemahiran hidup di kalangan kedua-dua jantina bagi sample kajian ini. Daripada kajian dan dapatan yang telah dikemukakan di atas, sebahagian besarnya meliputi hubungan antara prestasi dan persepsi pelajar dalam kemahiran hidup.

Memandangkan semua kajian-kajian yang dilaporkan telah dijalankan di kalangan pelajar di luar Malaysia, maka adalah wajar dijalankan satu kajian di kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Daripada tinjauan terhadap keputusan mengenai perhubungan antara persepsi dan prestasi, didapati ia mempunyai persamaan yang pro dan kontra. Oleh yang demikian, satu daripada tujuan kajian ini

adalah untuk melihat perhubungan antara prestasi dalam meminati kerja amali kemahiran hidup dan persepsinya apabila diterapkan penggunaan muzik.

2.5 Rumusan

Daripada teori dan prinsip di atas boleh disimpulkan bahawa penggunaan muzik memberikan impak yang amat berkesan terhadap mata pelajaran kemahiran hidup khususnya minat kepada kerja amali sekiranya ia digunakan sebagai media bantuan pembelajaran dan pengajaran. Kebanyakannya bersetuju dengan mengasah kecerdasan muzik dalam proses pembelajaran dan pengajaran, minat untuk pelajar menguasai kemahiran asas adalah lebih tinggi.

Sebagai kesimpulan, daripada dapatan kajian penyelidikan terdahulu dari luar mahupun dalam negara, persepsi sama ada positif atau negatif adalah berkait rapat dengan minat dan prestasi pelajar. Sorotan penulisan ini kurang menyatakan mengenai kajian berkaitan penggunaan muzik sebagai pemangkin meningkatkan prestasi pelajar, kerana penyelidikan terdahulu kurang membuat penyelidikan dalam topik ini. Lantaran itu, kajian ini telah menetapkan penggunaan muzik sebagai satu kaedah untuk meningkatkan minat dan persepsi positif pelajar terhadap kerja amali dalam komponen mata pelajaran kemahiran hidup.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sama ada penggunaan muzik yang diaplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali mata pelajaran kemahiran hidup kepada pelajar tahun 4, 5, dan 6 di sebuah sekolah dapat meningkatkan minat pelajar atau tidak. Di samping itu juga adakah ia dapat memberi keseronokan mengikut mood dan keadaan pelajar, meningkatkan prestasi dan bersedia belajar kepada pelajar, dan adakah terdapat penambahbaikan hasil kerja dan menambah daya ingatan pelajar. Penggunaan muzik ini diaplikasikan sebelum dan semasa pelajar tersebut sedang mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran kerja amali di bengkel kemahiran hidup. Ia adalah kajian yang berpendekatan kuantitatif. Sebelum kajian dibuat, pendekatan tinjauan melalui kaedah perpustakaan dijalankan dengan merujuk buku-buku, tesis, majalah, jurnal dan akhbar yang berkaitan dengan kesan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran dengan teori-teori berkaitan. Setelah membuat langkah-langkah mengenal pasti masalah kajian dan membuat tinjauan terhadap sorotan penulisan, penyelidik seterusnya dalam bab ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, sampel kajian, pembinaan instrumen kajian, langkah-langkah pengumpulan data, serta kaedah analisis data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif secara tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan muzik yang telah diintegrasikan oleh penyelidik di sekolah yang dipilih dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali mata pelajaran kemahiran hidup serta kesan penggunaan muzik di pihak pelajar. Instrumen kajian ini dibina berasaskan instrumen-instrumen kajian yang pernah dijalankan dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup dan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang hendak dikaji.

Gay (1996) menyatakan bahawa kajian deskriptif melibatkan pengumpulan data dalam usaha untuk menjawab persoalan kajian dengan melihat status semasa terhadap perkara yang hendak dikaji. Manakala Best dan Khan (1998) pula mengakui bahawa kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan apa sebenarnya yang berlaku. Ia juga menjelaskan keadaan atau perhubungan, pendapat pada masa proses yang berlaku, keberkesanan dan corak yang dibangunkan.

Kajian deskriptif menggunakan kaedah tinjauan telah dilakukan kerana ia merupakan cara yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat (Fowler, 1998), Karlinger (1986) pula menyatakan bahawa data yang didapati melalui kaedah tinjauan lazimnya tepat, dalam lingkungan "sampling error", jika faktor kebolehpercayaan ke aras 80 ke atas. Fullan (1991) pula menyatakan bahawa terdapat banyak kelebihan mengenai penggunaan kaedah tinjauan ini. Di antara kelebihannya ialah ia amat berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku. Wiersma (1991), soal selidik boleh digunakan untuk mengukur sikap atau pendapat dengan apa jua jumlah pembolehubah dalam keadaan yang semulajadi.

Data-data kajian daripada pelajar di sebuah sekolah di daerah Pontian dikumpul sendiri oleh penyelidik di lokasi kajian yang dijalankan.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tahap 2 iaitu pelajar tahun 4, 5, dan 6 di salah sebuah sekolah rendah di daerah Pontian. Populasinya seramai 700 orang. Berdasarkan saiz populasi yang agak besar, maka penyelidik hanya memilih 180 orang pelajar sahaja dijadikan sebagai sampel bagi kajian ini. Sampel dibuat berdasarkan 30% daripada keseluruhan populasi seperti yang disarankan dalam Mohd Najib (2003).

3.4 Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah cakera CD nyanyian dan borang ujian penilaian yang terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian I dan II adalah set ujian diagnostik iaitu mengandungi 10 set soalan, iaitu bahagian yang melibatkan pengetahuan asas pelajar mengenai alat dan bahan dengan bahagian I memberi jawapan 'ya' atau 'tidak' dan bahagian II memberi jawapan 'betul' atau 'salah'. Manakala bahagian III pula adalah soalselidik bagi meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali mata pelajaran kemahiran hidup. Isi kandungan soalan yang dikemukakan adalah berbeza mengikut keadaan sebenar persoalan kajian yang hendak dikaji (rujuk Lampiran L)

Item-item soalselidik dibentuk adalah berdasarkan rujukan dan pengubahsuaian kepada beberapa format serta contoh kajian yang telah digunakan oleh para penyelidik terdahulu. Antara contoh-contoh sumber item soalan kajian yang dirujuk termasuklah: a) Lesson Plan, Teaching for Connection: Critical Thinking Skill, Problem Solving and Academic Occupational Competencies, b) Comprehensive Adult Student Assessment System (CASAS) (1995), c) The Iowa Adult Basic Skill Survey: Final Report San Diego. California, d) Iowa Department of Education (1990) Assessment and Adult Basic Education: The Iowa e) Model SCANS (1991). Walau bagaimanapun rujukan utama penyelidik adalah kepada soalselidik yang digunakan oleh The Conference Board of Canada Ottawa, Ontario.

Soalselidik dibina setelah tinjauan dijalankan ke atas penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup. Item-item soalselidik direka bentuk menggunakan skala Likert lima mata. Skala Likert ini amat sesuai digunakan kerana menurut Keevas (1988) skala Likert ini dikatakan lebih stabil untuk digunakan bagi mengukur sikap dalam pelbagai situasi dan keadaan. Ia juga boleh digunakan untuk mengukur kedua-dua arah sikap iaitu sikap positif dan negatif dan juga kekuatan sikap responden terhadap sesuatu pernyataan yang dikemukakan.

3.4.1 Borang Ujian Penilaian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Borang Ujian Penilaian yang mengandungi satu set soalan ujian diagnostik dan soal selidik. Borang ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian I dan II ialah set ujian diagnostic yang melibatkan pengetahuan pelajar mengenai alat dan bahan dan aplikasi dalam soalan konsep menyebut kegunaan, manakala Bahagian III adalah soal selidik meninjau persepsi pelajar mengenai penggunaan rangsangan muzik dalam pembelajaran kerja amali. Bahagian I dan II digunakan sebagai set ujian untuk mendapatkan skor sebelum dan selepas pendedahan muzik diterapkan kepada pelajar Tegasnya, pelajar diminta menjawab set ujian ini sebelum dan selepas penggunaan rangsangan muzik. Soal selidik pula akan diserahkan kepada penyelidik selepas prosedur untuk ujian diagnostik selesai dijalankan.

3.4.1.1 Bahagian I (Set Ujian Diagnostik)

Bahagian ini mengandungi soalan isi jawapan “ya” atau “tidak” bagi menguji pelajar mengenai alat dan bahan. Alat dan bahan dikecualikan memandangkan kebanyakan pelajar tidak mengalami masalah untuk mengingatinya. Bahagian ini diedarkan kepada 180 orang pelajar sebelum dan selepas semua prosedur ujian dijalankan.

3.4.1.2 Bahagian II (Set Ujian Diagnostik)

Bahagian ini juga mengandungi 10 soalan yang memerlukan pelajar mengaplikasikan pengetahuan alat, bahan dan penggunaannya. Soalan ini hanya melibatkan konsep sebut atau pilih jawapan 'betul' atau 'salah' memandangkan konsep ini adalah asas penguasaan ingatan.

3.4.1.3 Bahagian III (Soal Selidik)

Bahagian ini mengandungi 12 item soalan yang berkisar mengenai pandangan dan persepsi pelajar terhadap penggunaan muzik dalam pembelajaran kerja amali. Item 1 hingga 3 dibina berpandukan Teori Behaviorisme melibatkan hukum kesan. Item 4 hingga 7 pula distrukturkan berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai yang mengaitkan minat terhadap muzik dan logik kemahiran hidup. Item 8 hingga 10 adalah berdasarkan Prinsip Premack yang menghubungkan perkara yang di minati pelajar dengan perkara yang kurang diminati. Item 11 hingga 12 juga melibatkan hukum kesan Bahagian ini hanya diedarkan kepada pelajar setelah semua prosedur ujian untuk Bahagian I dan II selesai dijalankan. Jadual 3.1 dan Jadual 3.2 menunjukkan teori dan prinsip serta konstruk yang menjadi asas pembinaan item soal selidik.

Jadual 3.1 Asas Teori dan Prinsip bagi Bahagian III

Teori/Prinsip	Item
Teori Behaviourisme : Hukum Kesan	1,2 dan 3
Teori Kecerdasan Pelbagai : Kecerdasan Muzik dan Logik/Kerja Amali	4, 5, 6 dan 7
Prinsip Premack : Hubungan antara perkara yang diminati dan tidak diminati.	8, 9 dan 10

Jadual 3.2 Konstruk Bagi Bahagian III

Konstruk	Item
Berminat dengan penggunaan Rangsangan muzik	1,3,6,10
Menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan	4,5,8
Bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali	2,7,9
Keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan	11,12

3.5 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenarnya dijalankan, penyelidik telah membuat satu kajian rintis ke atas 20 orang pelajar tahap 2 yang terdiri daripada pelajar tahun 4, 5 dan 6 di sebuah sekolah di daerah Pontian. Manakala untuk soalselidik pula, penyelidik juga telah memilih secara rawak seramai 20 orang pelajar yang sama. Semua responden yang terlibat dalam kajian rintis ini tidak terpilih dalam kajian sebenar.

Objektif kajian rintis ini adalah untuk menguji sama ada item-item yang dikemukakan dan istilah yang digunakan tepat dan sesuai. Selain daripada itu penyelidik juga dapat mengetahui jangkamasa yang diperlukan untuk menjawab semua item dalam kertas soalselidik. Responden dikehendaki menjawab semua item yang dikemukakan.

Untuk memastikan isi kandungan soalan kajian yang dibina adalah bersesuaian dan menepati objektif kajian yang hendak dikaji, penyelidik juga telah menyerahkan soal selidik yang dibina kepada seorang pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai yang berpengalaman dan pakar dalam pendidikan teknik dan vokasional untuk disemak dan juga disahkan kandungannya. Hasil maklum balas dari kajian rintis dan pakar yang terlibat dalam membuat penyemakan instrumen kajian, penyelidik telah membuat beberapa perubahan seperti berikut:

- a) Menyemak dan memperbaiki susunan dan ejaan dalam item penyoalan
- b) Mengemaskini teknik penyoalan dan tata bahasa yang digunakan
- c) Memperbaiki susunan format instrumen kajian yang digunakan
- d) Mengganti perkataan yang kabur kepada yang lebih jelas

Untuk menguji kebolehpercayaan bagi setiap instrumen kajian yang dibina, penyelidik menganalisis instrumen tersebut berdasarkan nilai Cronbach Alpha yang diperolehi. Menurut Mc Millan, dan Schumacker (1984), nilai alfa .70 hingga .90 adalah merupakan julat nilai yang boleh diterima bagi membolehkan instrumen digunakan dalam penyelidikan. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut keseluruhan

instrumen yang dikaji adalah melebihi nilai alfa .70, dan perkaitan bagi setiap item dengan keseluruhan ujian yang didapati juga adalah tinggi. Ini bermakna instrumen tersebut didapati sah dan sesuai digunakan.

3.6 Prosedur Kajian

Kajian ini melibatkan sebuah organisasi dan juga kementerian. Organisasi dan kementerian yang terlibat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh kerana banyak pihak terlibat, penyelidik terlebih dahulu meminta kebenaran bertulis daripada pihak yang terlibat termasuk daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, serta Jabatan Pelajaran Negeri. Kajian ini dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada kesemua yang terlibat dalam kajian ini.

Borang soal selidik kajian dikendalikan sendiri oleh pengkaji dengan cara mengedarkan dan mengumpul sendiri soalselidik dilokasi yang dipilih. Dengan demikian penyelidik dapat memastikan bilangan soalselidik yang dikembalikan mempunyai peratus yang tepat. Seramai 180 responden yang terdiri daripada pelajar tahun 4, 5, dan 6 yang dipilih telah mengembalikan borang soalselidik kepada penyelidik.

3.7 Analisis Data

Maklum balas jawapan yang diberikan oleh pelajar telah disemak oleh penyelidik dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Hasil penyemakan kerja bertulis pelajar akan dicatat oleh penyelidik untuk menyediakan soalan yang lebih baik. Antara aspek yang menjadi perhatian utama penyelidik ialah :

- i Kuantiti soalan yang tidak dapat dijawab oleh pelajar.
- ii Soalan-soalan yang perlu dimansuhkan kerana faktor kesesuaian.
- iii Had masa yang bersesuaian dengan bilangan soalan.
- iv Kesukaran memahami soalan dan arahan yang diberi.
- v Kesilapan ejaan, label dan tanda.

3.8 Kaedah Penganalisan Data

Data yang telah diperolehi dari pelajar dikumpul dan diproses berdasarkan kod-kod yang ditentukan. Data-data yang dikumpul diproses menggunakan program "Statistical Packages for The Social Science" (SPSS for Window) versi 14.0. Data-data ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inference seperti peratusan, min, sisihan piawai, dan ujian-t. Alias Baba (1977) menyatakan statistik deskriptif dapat membuat kesimpulan berkaitan sifat kumpulan seperti ukuran min yang berhubungkait purata dan sisihan piawai yang dapat menunjukkan variasi data.

Data-data yang diperolehi sebelum dan selepas ujian dijalankan juga dibandingkan dalam min, peratus dan ujian-t untuk melihat perbezaan dan membuat generalisasi terhadap sampel populasi. Nilai korelasi juga dicari bagi kedua-dua pemboleh ubah. Nilai 0.05 (5%) digunakan sebagai aras signifikan dan seragam untuk semua ujian yang melibatkan ujian-t.

Pemarkahan bagi jawapan yang diberikan oleh pelajar dibuat berdasarkan skor seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.3, Jadual 3.4 dan Jadual 3.5. Skor ini dibuat bagi memudahkan penyelidik membuat analisis data.

Jadual 3.3 kaedah Jawapan Bagi Bahagian I

Item soalan	skor
Soalan 1 hingga 10	ya
	tidak

Jadual 3.4 Kaedah Jawapan Bagi Bahagian II

Item soalan	skor
Soalan 1 hingga 10	betul
	salah

Jadual 3.5 Skor Pemarkahan Bahagian III

Jawapan	Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Tidak Pasti	3
Kurang Setuju	2
Tidak Setuju	1

Pelbagai pandangan dan generalisasi dibuat berdasarkan keputusan dalam borang Ujian Penilaian. Pendekatan ini dilakukan untuk melihat dengan lebih jelas sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran prestasi pelajar dalam komponen kerja amali atau tidak iaitu berdasarkan hipotesis yang telah dibentuk.

Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, satu ringkasan mengenai jenis statistik yang digunakan oleh penyelidik bagi menganalisis data-data kajian yang diperolehi ditunjukkan dalam jadual 3.6.

Jadual 3.6; Ringkasan Jadual Statistik yang digunakan

Bil	Persoalan Kajian	Jenis Statistik
1	Meningkatkan minat pelajar	Min dan sisihan piawai
2	Keseronokkan mengikut mood dan keadaan	Min dan sisihan piawai
3	Prestasi dan bersedia belajar	Min dan sisihan piawai
4	Keberkesanan hasil kerja dan menambah daya ingatan	Min dan sisihan piawai

3.9 ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMENT KAJIAN

Jadual 3.7 Analisis Kebolehpercayaan Instrument Kajian

Pernyataan	Bil. Item	<i>Cronbach Alpha</i>
Analisis Kebolehpercayaan Instrument Kajian	12	0.8

Panduan umumnya, kebolehpercayaan atau *reliability* merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrument penyelidikan dalam mengukur permasalahan (pembeliehubah) kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan

Alpha > 0.7 – instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai Kebolehpercayaan yang **tinggi**.

Alpha < 0.7 – instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai Kebolehpercayaan yang **rendah**.

Berdasarkan *rule of thumb*, kebolehpercayaan sesuatu instrument boleh diterima jila nilai $\lambda > 0.8$. Mohd Najib (2003).

3.10 Rumusan

Kajian ini dijalankan bukan bertujuan untuk memperlekehkan teknik pengajaran sedia ada tetapi untuk mengkaji keberkesanannya. Di samping itu, kajian ini turut membantu pelajar meningkatkan prestasi minat terhadap kerja amali dengan cara yang lebih efektif dan menarik.

Apabila penggunaan muzik diaplikasikan sebagai pemangkin untuk menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih berkesan, maka secara tidak langsung ia telah memberikan idea kepada satu bentuk kaedah atau teknik pembelajaran dan pengajaran baru. Maklumat ini sesuai untuk dimanfaatkan ke arah memaksimumkan penguasaan kemahiran oleh pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah sahaja.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan hasil kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian seperti yang dinyatakan di dalam Bab I. Perbincangan dibuat dalam bentuk deskriptif. Berdasarkan persoalan kajian analisis kajian ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang memberi gambaran tentang pengaruh muzik dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam amali kemahiran hidup.

Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistic Package for Social) versi 14.0. Analisis data dilakukan ke atas soal selidik yang telah diberikan kepada 180 orang pelajar tahun 4, 5, dan 6 di sebuah sekolah kebangsaan, di daerah Pontian. Data dalam kajian ini diperolehi daripada hasil jawapan responden melalui soal selidik yang telah diedarkan.

4.2 Memadankan Alat Dengan Nama yang Diberi

4.3 Analisis Bahagian A – Maklumat responden

4.3.1 Bangsa

Jadual 4.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Melayu	150	83.3
Cina	30	16.7
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut bangsa. Responden Melayu menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 150 orang atau 83.3% dan diikuti dengan responden Cina dengan mempunyai kekerapan sebanyak 30 orang responden atau 16.7%.

4.3.2 Umur

Jadual 4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
10 Tahun	153	85.0
11 Tahun	18	10.0
12 Tahun	9	5.0
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut umur. Responden berumur 10 tahun menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 153 orang atau 85.0% dan diikuti dengan responden

berumur 11 tahun dengan mempunyai kekerapan sebanyak 18 orang responden atau 10.0%. Akhir sekali adalah responden yang berumur 12 tahun iaitu bilangan responden adalah seramai 9 orang atau 5.0%.

4.3.3 Jantina

Jadual 4.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Lelaki	81	45.0
Perempuan	99	55.0
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina. Responden perempuan menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 99 orang atau 55.0% dan diikuti dengan responden lelaki dengan mempunyai kekerapan sebanyak 81 orang responden atau 45.0%.

4.3.4 Pekerjaan Bapa

Jadual 4.4 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa

Pekerjaan Bapa	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Pegawai Kerajaan	51	28.3
Pekerja Swasta	27	15.0
Bekerja Sendiri	93	51.7
Lain-Lain	9	5.0
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan bapa. Bapa responden yang bekerja sendiri menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 93 orang atau 51.7% dan diikuti dengan responden yang mempunyai bapa yang bekerja sebagai pegawai kerajaan dengan mempunyai kekerapan sebanyak 51 orang responden atau 28.3%. Seterusnya adalah bapa responden yang bekerja di sektor swasta adalah seramai 27 orang atau 15.0% dan lain-lain pekerjaan adalah seramai 9 orang atau 5.0%.

4.3.5 Pekerjaan Ibu

Jadual 4.5 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu

Pekerjaan Ibu	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Pegawai Kerajaan	27	15.0
Pegawai Swasta	60	33.3
Bekerja Sendiri	27	15.0
Lain-Lain	66	36.7
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pekerjaan ibu. Ibu responden yang mempunyai lain-lain pekerjaan menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 66 orang atau 36.7% dan diikuti dengan responden yang mempunyai ibu yang bekerja sebagai pegawai swasta dengan mempunyai kekerapan sebanyak 60 orang responden atau 33.3%. Seterusnya adalah bapa responden yang bekerja di sektor swasta dan bekerja sendiri adalah seramai 27 orang atau 15.0%.

4.3.6 Pendidikan Bapa

Jadual 4.6 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pendidikan Bapa

Pendidikan Bapa	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Sekolah Menengah	144	80.0
Maktab/Universiti/Institut	36	20.0
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pendidikan bapa. Bapa responden yang mempunyai pendidikan tamat di sekolah menengah menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 144 orang atau 80.0% dan diikuti dengan responden yang mempunyai bapa tamat di Maktab/Universiti/Institut dengan mempunyai kekerapan sebanyak 36 orang responden atau 20.0%.

4.3.7 Pendidikan Ibu

Jadual 4.7 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pendidikan Ibu

Pendidikan Ibu	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Sekolah Rendah	9	5.0
Sekolah Menengah	162	90.0
Maktab/Universiti/Institut	9	5.0
Jumlah	180	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pendidikan ibu. Ibu responden yang mempunyai pendidikan tamat di sekolah menengah menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dengan bilangan responden sebanyak 162 orang atau 90.0% dan diikuti dengan responden yang mempunyai ibu tamat di sekolah

rendah dan maktab/universiti/institut dengan mempunyai kekerapan sebanyak 9 orang responden atau 5.0%.

4.4 Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Muzik.

4.4.1 Berminat dan Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik

Jadual 4.8 Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Responden Mengikut Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik

Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik	TS	KS	TP	S	SS	Min
1. Saya suka belajar Amali KH menggunakan muzik	-	-	-	90 50.0%	90 50.0%	4.50
3. Saya dapat mengingat kaedah kerja amali KH dengan mudah	-	-	-	117 65.0%	63 35.0%	4.35
6. Saya berasa sangat seronok dan berminat untuk kerja amali KH	-	-	-	159 88.3%	21 11.7%	4.12
10. Saya berasa amali KH bukan suatu perkara yang sukar	-	-	-	108 58.3%	72 41.7%	4.42
Purata	0.0%	0.0%	0.0%	100.0%	100.0%	4.35

Jadual 4.8 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut berminat dengan penggunaan rangsangan muzik. Pernyataan responden suka belajar amali kemahiran hidup menggunakan muzik mendapat nilai min tertinggi adalah pernyataan pertama iaitu 4.50 dengan 90 orang responden atau 50.0% adalah sangat setuju dan setuju.

Kemudian diikuti pula dengan pernyataan ke 10 dengan nilai min 4.42 di mana responden berasa amali kemahiran hidup bukan suatu perkara yang sukar mereka di sekolah. Pernyataan ini telah mendapat respon daripada responden dengan 108 orang atau 58.3% adalah setuju dan 72 orang atau 41.7% adalah sangat setuju.

Pernyataan ke 3 yang mempunyai nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.35 di mana responden dapat mengingat kaedah kerja amali kemahiran hidup dengan mudah menunjukkan majoriti responden adalah setuju dengan pendapat ini dengan bilangan responden adalah seramai 117 orang atau 65.0%, diikuti dengan responden yang sangat setuju iaitu seramai 63 orang responden atau 35.0%.

Pernyataan ke 6 yang mempunyai nilai min iaitu 4.12 di mana responden berasa sangat seronok dan berminat untuk kerja amali kemahiran hidup menunjukkan majoriti responden adalah setuju dengan pendapat ini dengan bilangan responden adalah seramai 159 orang atau 88.3%, diikuti dengan responden yang sangat setuju iaitu seramai 21 orang responden atau 11.7%.

Purata keseluruhan bagi taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut berminat dengan penggunaan rangsangan muzik adalah adalah sebanyak 4.35.

4.4.2 Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Keseronok mengikut Mood dan Keadaan

Jadual 4.9 Taburan Kekerapan, Peratus, dan Min Responden Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Keseronokan Mengikut Mood Dan Keadaan

Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Keseronokan Mengikut Mood Dan Keadaan	TS	KS	TP	S	SS	Min
4. Saya tidak merasa bosan dan tertekan	-	-	-	78 43.3%	102 56.7%	4.57
5. Saya lebih bersemangat membuat kerja amali atau merekacipta berkaitan dgn KH	-	-	45 25.0%	51 28.3%	84 46.7%	4.22
8. Saya dapati belajar amali KH adalah perkara yang sangat menarik	-	-	-	45 25.0%	135 75.0%	4.75
Purata	0.0%	8.3%	91.7.0%			4.51

Jadual 4.9 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan. Pernyataan responden dapati belajar amali kemahiran hidup adalah perkara yang sangat menarik mendapat nilai min tertinggi adalah pernyataan pertama iaitu 4.75 dengan 135 orang responden atau 75.0% adalah sangat setuju dan responden yang bersetuju pula adalah seramai 45 orang atau 25.0%. Ini menunjukkan bahawa 100% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Kemudian diikuti pula dengan pernyataan ke 4 dengan nilai min 4.57 di mana responden tidak merasa dan tertekan. Pernyataan ini telah mendapat respon daripada

responden dengan 102 orang atau 56.7% adalah sangat setuju dan 78 orang atau 43.3% adalah setuju.

Pernyataan ke 5 yang mempunyai nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.22 di mana responden lebih bersemangat membuat kerja amali atau merekacipta berkaitan dengan kemahiran hidup menunjukkan majoriti responden adalah sangat setuju dengan pendapat ini dengan bilangan responden adalah seramai 84 orang atau 46.7%, diikuti dengan responden yang setuju iaitu seramai 51 orang responden atau 28.3% dan tidak pasti iaitu 45 orang atau 25.0%.

Purata keseluruhan bagi taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan adalah sebanyak 4.51 dan berada pada tahap yang tinggi.

4.4.3 Prestasi dan Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali

Jadual 4.10 Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Responden Mengikut Prestasi Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali

Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali	TS	KS	TP	S	SS	Min
2. Saya berasa yakin dapat menguasai kerja amali dengan mudah	-	-	18 10.0%	99 55.0%	63 35.0%	4.25
7. Saya lebih bersedia untuk menguasai KH	-	-	45 25.0%	54 30.0%	81 45.0%	4.20
9. Saya semakin berminat untuk belajar KH yang melibatkan amali	-	-	-	117 65.0%	63 35.0%	4.35
Purata	0.0%		11.7%	88.3%		4.27

Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali. Pernyataan responden semakin berminat untuk belajar kemahiran hidup yang melibatkan amali mendapat nilai min tertinggi adalah pernyataan pertama iaitu 4.35 dengan 117 orang responden atau 65.0% adalah setuju dan responden yang sangat setuju pula adalah seramai 63 orang atau 35.0%.

Kemudian diikuti pula dengan pernyataan ke 2 dengan nilai min 4.25 di mana responden berasa yakin dapat menguasai kerja amali dengan mudah. Pernyataan ini telah mendapat respon daripada responden dengan 99 orang atau 55.0% adalah setuju dan 63 orang atau 35.0% adalah sangat setuju. Manakala responden yang tidak pasti adalah seramai 18 orang atau 10.0%.

Pernyataan ke 7 yang mempunyai nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.20 di mana responden lebih bersedia untuk menguasai kemahiran hidup menunjukkan majoriti responden adalah sangat setuju dengan pendapat ini dengan bilangan responden adalah seramai 81 orang atau 45.0%, diikuti dengan responden yang setuju iaitu seramai 54 orang responden atau 30.0% dan tidak pasti iaitu 45 orang atau 25.0%.

Purata keseluruhan bagi taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali adalah sebanyak 4.27 dan berada pada tahap yang tinggi.

4.4.4 Keberkesanan Hasil Kerja, Berkeyakinan dan Daya Ingatan

Jadual 4.11 Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Responden Mengikut Keberkesanan Hasil Kerja dan Berkeyakinan serta Menambah Daya Ingatan

Keberkesanan Hasil Kerja Dan Berkeyakinan	TS	KS	TP	S	SS	Min
11. Saya dapati hasil kerja amali KH saya lebih cantik, kemas dan padu	-	-	-	36 20.0%	144 80.0%	4.80
12. Keseronokan dan sentiasa ingat selepas belajar KH menyebabkan saya lebih yakin terhadap keupayaan diri	-	-	-	45 25.0%	135 75.0%	4.75
Purata	0.0%		0.0%	100.0%		4.78

Jadual 4.11 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan. Pernyataan responden dapati hasil kerja amali kemahiran hidup saya lebih cantik, kemas, dan padu mendapat nilai min tertinggi adalah pernyataan pertama iaitu 4.80 dengan 144 orang responden atau 80.0% adalah sangat setuju dan responden yang setuju pula adalah seramai 36 orang atau 20.0%.

Kemudian diikuti pula dengan pernyataan ke 12 dengan nilai min 4.75 di mana keseronokan belajar kemahiran hidup menyebabkan responden lebih yakin terhadap keupayaan diri. Pernyataan ini telah mendapat respon daripada responden dengan 135 orang atau 75.0% adalah sangat setuju dan 45 orang atau 25.0% adalah sangat setuju.

Purata keseluruhan bagi taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan adalah sebanyak 4.78 dan berada pada tahap yang tinggi.

4.5 Rumusan

4.5.1 Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar

Jadual 4.12 Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar

Sikap Kerjasama Pelajar	Min	Tahap
Berminat Dengan Penggunaan Rangsangan Muzik	4.35	Tinggi
Menerima Rangsangan Muzik Berdasarkan Mood Dan Keadaan	4.51	Tinggi
Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali	4.27	Tinggi
Keberkesanan Hasil Kerja Dan Berkeyakinan	4.78	Tinggi
Purata	4.48	Tinggi


Jadual 4.12 menunjukkan taburan tahap pengaruh muzik terhadap minat kerja amali kemahiran hidup bagi para pelajar. Sikap kerjasama pelajar terhadap responden berminat dengan penggunaan rangsangan muzik adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min adalah sebanyak 4.35.

Sikap kerjasama pelajar terhadap responden menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan pula adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.51. Bagi sikap kerjasama pelajar terhadap responden bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali ini adalah tinggi dengan nilai min adalah

sebanyak 4.27. Manakala sikap kerjasama pelajar terhadap keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min adalah sebanyak 4.78.

Secara keseluruhan bagi tahap pengaruh muzik terhadap minat kerja amali kemahiran hidup bagi para pelajar adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.48 dan berada pada tahap yang tinggi.

Graf 4.1 Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar.



Graf 4.1 menunjukkan taburan tahap pengaruh muzik terhadap minat kerja amali kemahiran hidup bagi para pelajar. sikap kerjasama pelajar terhadap keberkesanan hasil kerja dan berkeyakinan dengan nilai min adalah sebanyak 4.78. Ini diikuti Sikap kerjasama pelajar terhadap responden menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan iaitu nilai min adalah sebanyak 4.51. Seterusnya adalah disebabkan oleh sikap kerjasama pelajar terhadap responden berminat dengan penggunaan rangsangan muzik dengan nilai min adalah sebanyak 4.35. Akhir sekali adalah disebabkan oleh sikap kerjasama pelajar terhadap responden bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali dengan nilai min sebanyak 4.27.

4.6 Analisis Ujian-t bagi Ujian Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar Tahun 4, 5 dan 6

Jadual 4.13 Ujian- t bagi Ujian Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar

Paired Samples Statistics

Min	Tahun 4,5 & 6	Sisihan Piawai
7.32	180	3.44
9.21	180	4.45

Paired Samples Correlations

N	Correlation	Sig.
21	0.721	0.000

Paired Samples Test

Paired Differences				t	df	Sig. (2-tailed)	
Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
			Lower	Upper			
-9.60	11.24	1.90	-27.16	-19.32	-12.422	59	0.000

Jadual 4.13 menunjukkan ujian- t bagi Ujian Pengaruh Muzik Terhadap Minat Kerja Amali Kemahiran Hidup Bagi Para Pelajar. Hasil dapatan mendapati $p = 0.000$ iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan. Oleh itu boleh dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan melibatkan pengaruh muzik terhadap minat kerja amali kemahiran hidup bagi para pelajar. Hasil dapatan ini dibuktikan dengan perbezaan min ujian pra dan ujian pos yang ketara iaitu min ujian pra (7.32) manakala min ujian pos (9.21).

4.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, analisis data dilakukan ke atas soal selidik yang telah diberikan kepada 180 orang pelajar tahap dua iaitu yang terdiri daripada pelajar tahun empat, lima dan enam di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Pontian. Kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan muzik meningkatkan minat kerja amali kemahiran hidup bagi para pelajar apabila responden bersetuju berminat dengan penggunaan rangsangan muzik, keseronokan dan menerima rangsangan muzik berdasarkan mood dan keadaan, meningkatkan prestasi serta bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali dan keberkesanan hasil kerja serta berkeyakinan atau menambah daya ingatan kepada pelajar. Kajian juga dibuat dengan berdasarkan analisis latar belakang responden seperti bangsa, umur, jantina, pekerjaan ibu, dan bapa dan pendidikan ibu dan bapa.

BAB V

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian daripada bab sebelum ini. Data-data yang telah diperolehi dapat digunakan bagi mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian ini telah memberi gambaran tentang pengaruh muzik dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam kerja-kerja amali kemahiran hidup.

Data-data telah dikumpulkan melalui 180 orang pelajar tahun empat, lima dan enam di sebuah sekolah Kebangsaan di daerah Pontian. Borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar terbabit dikembalikan terus kepada penyelidik. Perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* telah digunakan oleh penyelidik bagi menganalisis data tersebut. Hasil yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan nilai min dalam jadual. Selain dari perbincangan, bab ini juga mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan mengatasi masalah yang timbul serta bagi kajian yang akan datang.

Oleh yang demikian terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan dalam menjalankan kajian ini.

Objektif-objektif tersebut adalah :-

- i. Mengkaji sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan minat pelajar dalam menguasai kerja-kerja amali kemahiran hidup.
- ii. Menguji sama ada wujud keseronokan belajar mengikut mood dan keadaan kepada pelajar ketika menjalankan kerja-kerja amali Kemahiran Hidup.
- iii. Meninjau sama ada penggunaan muzik dapat meningkatkan prestasi dan bersedia belajar kepada pelajar dalam kerja-kerja amali Kemahiran Hidup.
- iv. Menentukan sama ada terdapat penambahbaikan hasil kerja, berkeyakinan serta menambah daya ingatan pelajar sewaktu menjalankan kerja-kerja amali kemahiran hidup.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada borang selidik. Soal selidik mengandungi beberapa bahagian yang terdiri daripada latar belakang responden

Perbincangan hasil kajian adalah berkaitan dengan objektif yang telah dinyatakan di atas yang mana ia akan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu:-

- i) Demografi atau latar belakang responden.
- ii) Pandangan pelajar apabila belajar Kemahiran Hidup dengan menggunakan muzik terhadap berminat dengan penggunaan rangsangan muzik

- iii) Pandangan pelajar apabila belajar Kemahiran Hidup dengan menggunakan muzik terhadap menerima rangsangan muzik berdasarkan keseronokan mengikut mood dan keadaan.
- iv) Pandangan pelajar apabila belajar Kemahiran Hidup dengan menggunakan muzik terhadap prestasi dan kesediaan menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali.
- v) Pandangan pelajar apabila belajar Kemahiran Hidup dengan menggunakan muzik terhadap keberkesanan hasil kerja, berkeyakinan dan menambah daya ingatan.

Perbincangan terhadap hasil dapatan kajian ini akan dibincangkan dengan mengaitkan penemuan kajian ini dengan pemerhatian dan soal-selidik secara tidak formal yang telah dibuat oleh penyelidik. Di samping itu, beberapa saranan atau cadangan untuk organisasi dan kajian yang akan datang juga turut dibincangkan di dalam bab ini.

5.2.1 Demografi atau Latar Belakang Responden

Responden yang dikaji pastinya mempunyai latar belakang yang mana sedikit sebanyak akan mempengaruhi keputusan kajian. Oleh yang demikian, di dalam bahagian ini akan dibincangkan berkenaan dengan latarbelakang responden. Responden terdiri daripada 180 orang pelajar tahun empat, lima dan enam di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Pontian. Kajian bagi latar belakang yang dilakukan adalah ke atas bangsa, umur, jantina, pekerjaan bapa dan ibu serta pendidikan bapa dan ibu.

Daripada hasil kajian, responden yang bangsa Melayu (83.3%) adalah merupakan golongan majoriti yang disoalselidik. Ini adalah disebabkan kebanyakan golongan

Melayu banyak melanjutkan pelajaran di sekolah harian biasa berbanding bangsa lain yang mempunyai sekolah kaum masing-masing. Seterusnya dari umur responden yang menunjukkan majoriti responden adalah berumur 10 tahun. Seterusnya diikuti dengan responden yang berumur 11 tahun dan 12 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai latar belakang umur di peringkat sekolah rendah dan belajar matapelajaran kemahiran hidup.

Selain itu, dapatan kajian terhadap responden mengikut jantina pula, majoriti responden adalah perempuan (55.0%) berbanding lelaki. Responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki kerana kebanyakan pelajar yang belajar matapelajaran tersebut adalah perempuan di sekolah tersebut mengikut kelas masing-masing. Ini diikuti dengan responden mengikut pekerjaan bapa. Bapa responden yang bekerja sendiri adalah yang paling tinggi respon daripada responden. Ini diikuti dengan bapa responden adalah pegawai kerajaan, pekerja swasta dan lain-lain.

Berdasarkan analisis dapatan kajian mengikut pekerjaan ibu, didapati bahawa majoriti responden mempunyai ibu yang bekerja lain-lain iaitu (36.7%). Ini diikuti dengan responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai pegawai swasta, kerajaan dan bekerja sendiri. Ini menunjukkan bahawa keluarga responden adalah masih mempunyai keluarga yang boleh menanggung persekolahan mereka.

Selain itu, bagi hasil analisis mengikut pendidikan bapa mendapati bahawa majoriti responden mempunyai bapa yang berpendidikan sekolah menengah. Ini diikuti dengan bapa responden yang berpendidikan maktab/universiti/institut. Begitu juga dengan pendidikan ibu responden menunjukkan majoriti ibu mereka berpendidikan sekolah menengah. Ini diikuti dengan ibu responden yang mempunyai latar belakang pendidikan di sekolah rendah dan Maktab/Universiti/Institut. Ini menunjukkan bahawa

kebanyakan ibu bapa responden mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya sekolah rendah dan menengah.

5.2.2 Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Elemen Muzik Terhadap Minat.

Secara keseluruhannya, purata min bagi pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan elemen muzik terhadap berminat dengan penggunaan rangsangan muzik ialah sebanyak 4.35. Majoriti responden setuju mereka suka belajar amali kemahiran hidup menggunakan elemen muzik. Rangsangan muzik sebagai satu penambahan cara pembelajaran kemahiran hidup adalah salah satu cara yang berkesan bagi menarik perhatian pelajar untuk belajar.

Seterusnya diikuti dengan mereka berasa amali kemahiran hidup bukan suatu perkara yang sukar menunjukkan nilai min sebanyak 4.42. Majoriti responden bersetuju dengan pendapat ini kerana matapelajaran Kemahiran Hidup adalah pembelajaran yang berkaitan dengan kehidupan. Ini tidak menyukarkan responden untuk belajar matapelajaran ini. Bagi pendapat mereka, mereka mampu mengingati kaedah kerja amali kemahiran hidup dengan mudah apabila kaedah pembelajaran menggunakan rangsangan muzik menunjukkan mereka bersetuju dengan pendapat ini. Apabila menggunakan kaedah rangsangan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran, didapati kaedah tersebut dapat mengurangkan kebosanan pelajar ketika belajar di dalam bengkel.

Dalam pembelajaran menggunakan elemen muzik membuatkan responden berasa sangat seronok dan berminat untuk kerja amali kemahiran hidup menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan pendapat ini. Pembelajaran menggunakan elemen muzik dapat mengubah suasana pembelajaran agar lebih menarik dan pelajar boleh belajar sambil berhibur. Rangsangan elemen muzik mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar memandangkan elemen ini menyentuh mengenai keseronokan dan

kegembiraan. Maka penggunaan rangsangan muzik adalah amat disarankan sebagai alternatif menjadikan kaedah pengajaran tidak mendatar dan membosankan pelajar (Noraini Idris, 2001b).

5.2.3 Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Elemen Muzik terhadap Menerima Elemen Muzik Berdasarkan Kesaeronokan Mengikut Mood Dan Keadaan

Secara keseluruhannya, purata min bagi pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan elemen muzik terhadap menerima rangsangan muzik berdasarkan keseronokan mengikut mood dan keadaan ialah sebanyak 4.51. Majoriti responden setuju mereka apabila belajar dengan menggunakan elemen muzik mereka mereka dapat belajar amali kemahiran hidup adalah perkara yang sangat menarik.

Pembelajaran amali matapelajaran kemahiran hidup amat sesuai sekiranya menggunakan rangsangan. Mok Soon Sang, kajian Zaiton dan pandangan West di atas menegaskan peri pentingnya untuk memastikan penguasaan kemahiran asas di kalangan pelajar. Kajian ini menekankan peneguhan aspek mengukur yang merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu dipelajari oleh pelajar. Mengira merupakan asas mengukur bahan yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar agar mereka dapat menguasai bidang kerja amali secara lebih mendalam. Sehubungan itu, berdasarkan pandangan Noraini tersebut, kajian ini memilih rangsangan muzik sebagai pemangkin untuk melihat sama ada ia mempengaruhi penguasaan kerja amali seseorang pelajar.

Seterusnya mereka mendapati bahawa apabila mereka belajar amali kemahiran hidup, mereka tidak merasa tertekan apabila menerima rangsangan muzik berdasarkan keseronokan mood dan keadaan. Majoriti responden bersetuju dengan pendapat ini kerana apabila seseorang mendapat rangsangan muzik, secara automatiknya semangat seseorang untuk belajar akan meningkat. Begitu juga dengan keseronokan mood seseorang akan meningkat secara automatiknya.

Bagi pendapat mereka, kaedah ini menjadikan mereka lebih bersemangat membuat kerja amali atau merekacipta berkaitan dengan kemahiran hidup. Ini menunjukkan bahawa mereka bersetuju dengan penggunaan muzik. Pelajar yang lemah dalam logik boleh dirangsang supaya menguasai kerja amali dengan menggunakan elemen muzik. Pelajar yang mempunyai kecerdasan muzik berkemampuan untuk menggemari, mendiskriminasi dan meluahkan perasaan melalui muzik. Kecenderungan ini termasuk kepekaan terhadap ritma, melodi atau kelangsingan suatu hasil muzik. Kebanyakan pelajar mempunyai kecenderungan terhadap muzik biarpun pelajar itu lebih berbakat dalam verbal, logik, visual dan sebagainya (Saniah Sayuti, 2000a).

5.2.4 Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Elemen Muzik terhadap Prestasi Atau Bersedia Menggunakan Rangsangan Muzik Dalam Pembelajaran Amali

Secara keseluruhannya, purata min bagi pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan elemen muzik terhadap prestasi dan bersedia menggunakan rangsangan muzik dalam pembelajaran amali ialah sebanyak 4.27. Majoriti responden setuju mereka semakin berminat untuk belajar kemahiran hidup yang melibatkan amali. rangsangan muzik sebagai satu penambahan cara pembelajaran. Penggunaan muzik adalah salah satu cara yang berkesan bagi menarik perhatian pelajar untuk belajar. Esah (2003) mengingatkan warga pendidik bahawa kecerdasan boleh dipelajari dan ditingkatkan. Apabila kecerdasan diterokai secara tidak langsung ia akan memotivasikan pelajar untuk terus belajar.

Seterusnya diikuti dengan mereka berasa yakin dapat menguasai kerja amali dengan mudah dengan menggunakan rangsangan muzik menunjukkan nilai min sebanyak 4.25. Berpandukan Teori Behaviorisme, ujian yang dijalankan menggunakan rangsangan muzik ke atas pelajar secara berulang-ulang akan dapat memberikan tindak balas yang paling maksimum bukan sahaja kepada persepsi dan tingkah laku mereka tetapi juga dalam penguasaan kerja amali produk dan daya ingatan. Sehubungan itu, penggunaan muzik juga

mendatangkan keseronokan dan kepuasan kepada pelajar dan mereka akan lebih berprestasi dan bersedia untuk melalui proses pembelajaran yang akan datang.

Mereka juga berpendapat bahawa apabila penggunaan rangsangan muzik dalam pembelajaran disertakan, maka mereka dapat mengurangkan kebosanan belajar ketika dalam bengkel pembelajaran. Situasi ini menyebabkan para pelajar lebih menunjukkan prestasi yang positif dan bersedia untuk terus menggunakan kaedah ini pada sesi pembelajaran dan pengajaran yang berikutnya.

5.2.5 Pandangan Pelajar Apabila Belajar Kemahiran Hidup Dengan Menggunakan Elemen Muzik terhadap Keberkesanan Hasil Kerja, Berkeyakinan Dan Menambah Daya Ingatan.

Secara keseluruhannya, purata min bagi pandangan pelajar apabila belajar kemahiran hidup dengan menggunakan muzik terhadap keberkesanan hasil kerja, berkeyakinan serta menambah daya ingatan ialah sebanyak 4.78. Majoriti responden setuju apabila mereka dapati hasil kerja amali kemahiran hidup mereka lebih cantik, kemas dan padu. Rangsangan muzik sebagai satu penambahan cara pembelajaran kemahiran hidup adalah sangat berkesan bagi menarik perhatian pelajar untuk belajar. Melalui muzik, perkembangan otak dan ingatan di sebelah kanan akan meningkat. Otak di sebelah kanan adalah rangsangan terhadap perkara yang kreatif. Ini dapat meningkatkan kekreatifan dan daya ingatan pelajar tersebut dalam menyiapkan kerja yang diberikan.

Seterusnya keseronokan mengikut mood dan keadaan ketika mereka belajar kemahiran hidup menyebabkan mereka lebih yakin terhadap keupayaan diri. Majoriti responden bersetuju dengan pendapat ini kerana dengan adanya muzik, semangat mereka untuk melakukan kerja amali dapat ditingkatkan. Ini sekali gus dapat meningkatkan keberkesanan hasil kerja yang mereka hasilkan dan menjadikan pelajar tersebut lebih berdaya ingat dan berkeyakinan.

5.3 Kesimpulan

Hasil kajian telah memberi gambaran tentang pengaruh muzik dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam kerja amali kemahiran hidup. Data-data telah dikumpulkan melalui 180 orang pelajar tahun empat, lima dan enam di sebuah sekolah yang telah dipilih oleh penyelidik. Perbincangan hasil kajian adalah berkaitan dengan objektif yang telah dinyatakan di atas yang mana ia akan dibahagikan kepada empat bahagian utama.

Latarbelakang responden adalah terdiri daripada 180 orang pelajar tahun empat, lima dan enam di sebuah sekolah kebangsaan di Pontian. Kajian bagi latar belakang yang dilakukan adalah ke atas bangsa, umur, jantina, pekerjaan bapa dan ibu dan pendidikan bapa dan ibu. Secara keseluruhan, hasil data analisis ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah bersetuju bahawa penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran dapat meningkatkan minat, keseronokan, prestasi, keberkesanan hasil kerja dan daya ingatan pelajar dalam kerja amali matapelajaran kemahiran hidup di sekolah rendah.

5.4 Cadangan Kajian

Berikut adalah cadangan yang dikemukakan bagi kegunaan organisasi kajian dan juga bagi kegunaan kajian yang akan datang. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagaimana berikut;

1. Selain menggunakan muzik sebagai pendekatan bagi menarik pelajar untuk mempelajari matapelajaran kemahiran hidup, kaedah lain juga boleh digunakan seperti menonton video beranimasi, bersimulasi yang berkaitan dengan matapelajaran yang diajar. Ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam membuat kerja amali semasa di bengkel serta dapat mengurangkan kebosanan pelajar semasa di dalam kelas.

2. Guru juga perlu menggalakkan pelajar untuk membuat perbincangan bersama rakan-rakan yang lain semasa di dalam kelas bagi meningkatkan interaksi antara pelajar di dalam kelas. Interaksi ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam sesuatu perkara yang dipelajari di dalam kelas.
3. Cara pengajaran oleh guru juga boleh ditambah dengan membuat aksi lakonan di dalam kelas dalam perkara yang berkaitan dengan tingkahlaku. Melalui aksi lakonan ini, peajar dapat meningkatkan daya kreativiti masing-masing serta dapat mengurangkan kebosanan dan meningkatkan mereka untuk belajar di dalam kelas.
4. Pembelajaran kemahiran hidup perlu mengurangkan pembelajaran secara teori di dalam kelas. Pembelajaran secara teori sering membosankan dan menyebabkan pelajar cepat berasa bosan, letih menjurus kepada perasaan benci. Tegasnya, guru perlu mempelbagaikan cara pengajaran di dalam kelas supaya pelajar tidak mudah merasa bosan dan jemu semasa pembelajaran di dalam kelas.
5. Selain menggunakan muzik sebagai kaedah untuk menarik minat pelajar supaya belajar, guru juga boleh mempelbagaikan cara pengajaran mereka dengan membuat satu permainan atau kuiz yang berunsurkan matapelajaran kemahiran hidup kepada para pelajar. Ini dapat menarik perhatian mereka untuk belajar dalam subjek ini ketika di dalam kelas dan mereka akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap matapelajaran tersebut.
6. Pertandingan mencipta lirik lagu dan melodi yang berteraskan sukatan telah dipelajari dalam mata pelajaran kemahiran hidup seperti membuat rak buku, membina glader, memasang kit, membina litar mudah, nama-nama bongkah, kegunaan alatan dan sebagainya.

Cadangan Lanjutan

Berikut adalah cadangan yang boleh digunakan bagi kegunaan kajian pada masa yang akan datang.

1. Bilangan responden perlu ditambah bilangannya bagi memantapkan lagi hasil keputusan kajian. Ini kerana, penyelidik boleh melihat gambaran sebenar dan keseluruhan kajian.
2. Selain menggunakan borang soal selidik, hasil daripada temubual dan pemerhatian penyelidik juga boleh dimasukkan sebagai hasil keputusan kajian. Dengan yang demikian, penyelidik akan lebih memahami permasalahan sebenar pelajar mengikut tahap prestasi akademik pelajar apabila dirangsang dengan muzik.
3. Kajian serupa boleh dijalankan dengan penambahan sumber hasil keputusan kajian seperti buku, internet dan lain-lain. Penyelidik juga boleh menjalankan soal selidik dan temubual dengan guru yang mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup supaya dapat menghasilkan kajian yang lebih mantap dan jitu.
4. Selain itu, kajian boleh diperluaskan kepada responden yang lebih berkeperluan khas seperti pelajar yang menduduki kelas pemulihan atau pelajar autistik. Instrumen kajian boleh disesuaikan dengan tahap kemampuan mereka dan diolah dalam bentuk yang mudah dan menarik.
5. Berdasarkan dapatan kajian ini yang menunjukkan prestasi positif pelajar, maka kaedah ini mungkin boleh juga digunakan untuk subjek-subjek lain yang tidak dapat dikuasai pelajar. Umpamanya dalam subjek Bahasa Melayu, nyanyian boleh diaplikasikan dalam membentuk perbendaharaan kata dan tatabahasa pelajar. Dengan cara ini mereka boleh belajar sambil berhibur.

RUJUKAN

- Abu Zahari Abu Bakar (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya.: Fajar Bakti.
- Adnan Khamis (1985). *dan Pertalian Sikap Pelajar Terhadap Subjek Matematik Kaitannya dengan Pencapaian Akademik*. Tesis UKM Bangi..
- Alias Baba (1992). *Beberapa Faktor Yang Memngaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia Jurnal Kimia Pendidikan*. Jilid 13&14.19-27.
- Ang, Huat Bin (1999). *Konsep dan Kaedah Pengajaran Dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd. 39.
- Austin, H.R. (1965). *Cross Validation of An Attitude Scale For The Identification of High and Low Academic Achiever*. The Journal of Educational Research, 58,426-428.
- Azlina Awang (2002). *Pengajaran KBSR - Strategi Membina Kemahiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Backer, G.S. (1964). *Human capital: A theoretical and empirical analysis with special reference to education*. New York: Columbia Universiti Press.
- Baharom Mohamad Ph. D dan Iliyas Hashim (2010). *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: T.S. Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Barrick, S.W. (1980). *Achievement In Attitude Toward High School Mathematics With Respect to Sex and Sosioeconomic Status*. Doctoral Dissertation, University of Pacific.
- Beardsley L.M. (1991). *1001 Uses Of Hundred Square*. New York. Parker Publishing Company Inc.. 18-30.
- Berinderjeet Kaur. (1991) *Gender Differences In Mathematics Attainment Of Singapore Pupil At 16+*. SEAMEA-RECSAM, XIV, 2. 7-21.

- Berita Harian (3003). “*Antara Akademik dan Kemahiran*” . 29 Ogos.
- Berita Harian (2010). “ *Teknik dan Vokasional Bermula Tahun Depan* ”, 20 April.
- Best, J.W. & Kahn, J. V. (1989). *Research in education*. 6 New Jersey: Prentice Hall.
- Blazek R. (1975). *Influencing Students Toward Media Center: An Experimental Investigation In Mathematics*. Chicago. American Library Association.
- Buku Am KBSR (1982). *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Buku Rancangan Malaysia ke7 (1995-2000)
- Daud Mohd Noor. (1982). *Laporan Ringkas Perbincangan Panel Forum Sehari 3M Kementerian Pendidikan Malaysia*. Universiti Malaya.
- De Leon, J.E. & Borchers, R.E. (1998). *High school graduate employment trends and the skills graduates need to enter Texas manufacturing Industries*. Journal of Vocational and Technical Education, 15(1): Abstrack.
- Esah Sulaiman (2003). *Modul Pengajaran: Asas Pedagogi*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor.
- Fennera, E. and Shennan, J. (1977). *Sex-related Differences In Maths Achievement, Spatial Visualisation and Affective Factors*. American Education Research Journal. 14, 51-71.
- Fowler, F. J. Jr. (1998). *Survey research methods*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Foo, Siet Chooi (1986). *Hubungan, Sikap, Jantina dan Penguasaan Konsep Asas Mempengaruhi Pencapaian Pendidikan Moden untuk Pelajar Jurusan Sastera*. Tesis. UKM Bangi.
- Fullan, M. (1991). *The new meaning of educational change*, 2 ed. London: Cassell.

- Gardner.K. (1983). *Visual Math: See How Math Makes Sense*. New York. Learning Express LLC. 1-19 .
- Gay, L. R. (1996). *Education research: Competencies for analysis and application*. 5 th . Ed. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hanna, G. et al. (1990), *Vocational Achievement of Grade 12 Girls in Fifteen Countries*. London, 87-97.
- Harian Metro . (2009). *Muzik penyemarak Nasionalisme*”. 27 Ogos.
- Hoyle,R. (1992). *Strategies In Curriculum Change*. London: Ward Lock. 93.
- Ismail Ibrahim (1994) *Tumpuan Pengukuran Dalam Matematik Berita*
Harian28 November 1994,
- Kamus Dewan* (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka: Edisi Ke Empat.
- Kamus Za'ba* (2000) Kuala Lumpur. Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioural research*. Forth Woeth:
Holt, Rinehart and Winston.
- Keeves, J. P. (1988). *Educational research, methodology and measurement: An international handbook*. USA: Pergamon Press.
- Kerajaan Malaysia (1991). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negaran
- Kosmo (2009). “*Muzik sekadar di pinggir*an”. 6 Ogos.
- Kosmo (2009). ”*Muzik untuk kehidupan*”. 6 Ogos.

- Mat Sari Dan. (1986). *Pengaruh Minat, Sikap dan Persepsi Pelajar Aliran Sastera Terhadap Prestasi Mereka Dalam Subjek Matematik*. Latihan Ilmiah. UKM Bangi.
- Mc Millan, J. H. & Schumacker, S. (1984). *Research in education: A conceptual introduction*. Canada : Little Brown Co.
- Mingguan Malaysia (2008). ” *Sejarah, falsafah, muzik Islami*”. 16 Mac.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003): *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Johor. 50-133 .
- Mohd Shahrani Ahmad. (2004). *Mengurus Kanak-Kanak Yang Susah Belajar*. Bentong. PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Mok, Soon Sang (2003). *Szn Pendidikan Perguruan : Pendidikan di Malaysia*. Edisi ke-8 terbitan ke 15. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 138-139.
- Morris, M. S., Lewis, P. & Serton, D. S. (1997). “ An Input-Output Perspective. SAM Advanced Management Journal. 55 (1) : 21 - 31
- Nik Aziz Nik Pa (1992). *Penghayatan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam KBSR dan KBSM* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noraini Idris (2001). *Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Matematik*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Saniah Sayuti et.al. (2000). *Psikologi Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Schultz, R.C dan Green, B.F. (1953). *Predicting Academic Achievement A New Attitude-Interest Questionnaire. Educational and Psychological Measurement*.6,54-65.
- Secretary’s Commission on Acheving Necessary Skills (SCANS) (1991). *What work requires of schools: A SCANS report for America 200*. Washington, DC: U.S. Department of Labor.

- Siew, Fook Cheong (1986). *Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Untuk Peringkat Sekolah Rendah*. Petaling Jaya. Longman Sdn Bhd. .
- Simpson, C.J.(1974). *The Effect of Laboratory Instruction On The Achievement and Attitudes of Sloe Learners In Maths*. Lehigh.
- The Conference Board of Canada (1996b). *Yukon work futures; Skills for today's workplace. The Corporate Council on Education , a program of the National Business and Education Center*. Ottawa, Ontario.
- The Ohio State University (1995). *Critical Thinking Skills, Problem Solving and Academic Occupational Competencies*. Department of Agriculture Education.
- Iowa Department of Education (1990). *Assessment and Adult Basic Education: The Iowa Model*.
- Tocci, C.M dan Engelhard, G. (1991) *Achievement, Parental Support and Gender Differential in Attitude Towards Mathematics*, Jurnal of Educational Research. 84(5), 280-285.
- Tzeng, S.R. (1987). *The Relationship Among Gender, Attitudes Towards Mathematics and Attributions in Sixth Grade High, Average and Low Achievers In Taiwan, Republic of China*. Georgia.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. Dr. (1993) *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian, Kuala Lumpur, Nurin Enterprise*.
- West, Linda L. (1991). *Effective Strategies For Dropout Prevention*. Maryland: Aspen Publication,Inc.. 176.
- Wiersma, W. (1991). *Research Method in education: An Introduction (5th edition)*m Boston: Allyn & Bacon.
- Yudariah Yusof.et al. (2002). *Laporan Penyelidikan: Pemulihan Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai, Johor.

Zaiton Kassim. (1999). *Faktor Yang Mempengaruhi Pengajaran di Dalam Kelas*. Tesis .UKM, Bangi.

Zirkle, C. (1998). *Perceptions of vocational educators and human resource/training and development professionals regarding skills dimensions of school-to-work Transition Program* *Journal of Vocational and Technical Education*, 15(1). Abstrak.